

PENA PUMAS

PENERANGAN UMNO MALAYSIA | EDISI PERTAMA | MAC - APRIL 2020


UTAMA

EKSKLUSIF

MEMERANGI COVID-19

MUSUH NO.1 DUNIA & NEGARA

METROPOLITAN



"KL RED ZONE"

MINDA PUMAS



UMNO DALAM
SENARIO
POLITIK BAHARU

PERSPEKTIF



bersama
YB Senator Tengku
Datuk Seri Zafrul Aziz

ZON UTARA

m/s 44 - 52

ZON TENGAH

m/s 53 - 62

ZON PANTAI TIMUR

m/s 63 - 70

ZON SELATAN

m/s 71 - 73

KOLUMNIS

SIDANG REDAKSI



Gambar:

Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai ketua keluarga, membeli barang keperluan asas di salah sebuah supermarket di ibu kota

UTAMA

- 02 |** Memerangi Covid-19, Musuh No.1 Dunia & Negara Bersama Menteri Kanan, YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

EKSKLUSIF

- 09 |** Wawancara Khas Bersama Presiden, YB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

MINDA PUMAS

- 16 |** "UMNO Dalam Senario Politik Baharu" oleh Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Sdr Shahril Hamdan

BUAL BICARA

- 21 |** Bicara Semasa Soal Negeri Pahang, Politik dan Covid-19 Bersama Menteri Besar Pahang, YAB Datuk Seri Dr Hj Wan Rosdy Wan Ismail

Penasihat

Ketua Penerangan UMNO Malaysia

Ketua Eksekutif Kumpulan

Muhamad Iqbal Jamal Hj Jamaludin

Ketua Pengarang

Jefrizal Mohd Jaafar

Kolumnis & Wartawan

Dr. Novandri Hasan Basri
Mohamad Fakhzan Md Noor
Mohd Fared Mohd Khalid
Irfan Zamri
Khaidir Baharuddin
Aemirulrizaki Rambli

Ketua Grafik & Pemasaran

Ali Amir Razali

Jabatan Penerangan UMNO Malaysia

Tingkat 38
Menara Dato' Onn
Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
t: 03 4042 9511 | **f:** 03 4045 6433
e: pumasmagazine@aol.com

ZON SELATAN

Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul

JEMPUTAN

"Pendang & Sungai Tiang Di Hatiku, Ayuh Bangkit Lawan Covid-19" oleh YB Datuk Suraya Yaacob

"UMNO Dan Krisis Kepimpinan" oleh YB Tuan Rizam Ismail

"Covid-19 vs Tahun Melawat Malaysia (Pahang) 2020 oleh YB Datuk Seri Hj Mohd Sharkar Shamsudin

ANALISIS & PANDANGAN

- 75 |** "Kuala Lumpur Setelah Perintah Kawalan Pergerakan Tamat"

"Kelangsungan Hidup Rakyat Melalui Pencelahan Kewangan Kerajaan"

1946

- 87 |** Pendita Za'ba; "UMO atau UMNO?"

PERSPEKTIF

- 26 |** Wawancara Khas Bersama Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz Dalam Memahami Tindakan Ekonomi Negara Di Bawah Krisis Covid-19

METROPOLITAN

- 33 |** "KL Red Zone"

SANA SINI

- 39 |** Meninjau Kinabatangan bersama YB Datuk Seri Bung Mokhtar Radin

KOLUMNIS

- 44 | ZON UTARA**
Kenapa Covid-19 Jadi Merbahaya dan Pandemik?

ZON TENGAH

Neo Covid: Krisis Kepimpinan UMNO & Covid-19

ZON PANTAI TIMUR

"Fix You"

UTAMA


MEMERANGI COVID-19 MUSUH NO.1 DUNIA & NEGARA

oleh: Editor | pumasmagazine@aol.com

“...untuk menang perang ini terletak sepenuhnya kepada rakyat. Rantai jangkitan wabak ini perlu diputuskan segera...”

DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB

Menteri Kanan (Keselamatan)





PELANTIKAN JEMAAH MENTERI baharu kerajaan Perikatan Nasional (PN) di bawah teraju Y.A.B. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin rasmi pada jam 3 petang tanggal 10 Mac lalu di Istana Melawati.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah perkenan sumpah 31 menteri termasuk empat menteri kanan dan 37 timbalan menteri, satu barisan "Eksekutif Negara" terbesar dalam sejarah tanahair.

Pagi hari yang sama, Tan Sri Muhyiddin Yassin terlebih dahulu hadir ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Putrajaya bagi mendapatkan sendiri maklumat terkini berkenaan Covid-19. Ketibaan beliau jam 9.55 pagi diiringi Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali telah disambut oleh Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan barisan pegawainya. Di sinilah segalanya bermula.

Mengimbau saat itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengakui bahawa lantikan dirinya sebagai seorang dari empat menteri kanan menerajui satu dari dua kementerian berkenaan kluster keselamatan negara bukanlah perkara yang dibanggakan sebaliknya beliau merasakan satu tugas berat yang tidak pernah beliau hadapi perlu digalas segera dengan penuh hemah, bijaksana.

“Kita tidak tahu apa yang melanda atau serang kita. Musuh yang datang bukan boleh nampak... Musuh yang kita tidak nampak. Tahu-tahu ada mangsa di kalangan rakyat,” Ismail Sabri mulakan bicara berkenaan Covid-19.

Merasakan bahawa krisis Covid-19 adalah perkara serius mengancam negara dan dunia, namun di Malaysia menghadapi krisis sebegini bukanlah baru. Dalam abad ke-21 sahaja negara ini pernah hadapi krisis kehilangan pesawat MH370 yang



melibatkan 227 nyawa penumpang termasuk 12 anak kapal. Krisis ini melibatkan 15 negara dengan sejumlah besar penumpang yang hilang adalah dari negara China selain Amerika Syarikat, Australia, Belanda, Hong Kong, India, Indonesia, Iran, Kanada, New Zealand, Perancis, Rusia, Taiwan, Ukraine dan rakyat Malaysia sendiri. Krisis berlaku tahun 2014 ini berjaya ditangani penuh hemah, bijaksana dan diplomasi yang amat tinggi. Begitu juga dalam krisis pesawat MH17 yang meragut nyawa 283 penumpang termasuk 15 anak kapal.

Satu lagi insiden yang mengorbankan ramai nyawa adalah peristiwa berdarah pemberontakan kaum Sulu di Lahad Datu, Sabah. Krisis ini menyaksikan 68 nyawa awam dan pemberontak terkorban, manakala 10 anggota keselamatan negara gugur dalam episod cemas sepanjang 44 hari pada tahun 2013.

Akibat dari peristiwa yang dikaitkan dengan sejarah geopolitik Malaysia dan wilayah selatan Filipina ini memaksa Putrajaya

menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESS-COM) dan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE).

“Sudah pasti berbeza. Setiap satu krisis yang pernah negara hadapi ada cabaran tersendiri.

“Sebagai contoh, waktu krisis (kehilangan) MH370 menteri yang berada di barisan hadapan adalah menteri pengangkutan. Kebetulan waktu itu menteri pengangkutan dipangku oleh menteri pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin. Jadi dia (Hishammuddin) mainkan peranan dua dalam satu.

“Kita berjaya hadapi krisis tersebut dengan baik sekali. Walaupun misteri kehilangan MH370 masih jadi tanda tanya namun kita berjaya mendepani ahli keluarga termasuk (seluruh) dunia yang sedang perhatikan langkah dan gerak kerja kita waktu itu,” renung Ismail Sabri cuba mengingati peristiwa hitam tersebut.

“Kali ini sangat-sangat berbeza. Kita ada mangsa yang dijangkiti wabak setiap hari, malah ramai juga yang meninggal (dunia). Walau-pun musuh sudah dikenal pasti (Covid-19) tetapi kita tidak tahu di mana dia, dari punca mana dia datang, ke mana dia akan pergi, siapa pembawanya. Ini musuh yang kita tak nampak... Tak tahu bila akan berakhir,” renungnya dengan pandangan mendalam.

Mengakui sedikit janggal kali pertama bermesyuarat dengan seluruh barisan jemaah menteri kerajaan campuran PN, ia tidak menghalang seluruh menteri bergerak sederap menghadapi musuh nombor satu dunia saat ini, Covid-19.

“Sungguh! Rasa janggal kali pertama bermesyuarat. Maklumlah ada dalam ini (jemaah menteri) yang pernah bermusuh (secara politik) tiba-tiba kita duduk sama tiap hari bincang perkembangan terkini dan tindakan seterusnya berkenaan Covid-19,” ketawa kecil.

Hari ini, setiap hari, wajah menteri kanan ini adalah antara wajah yang sering ditunggu-tunggu berjuta rakyat Malaysia selain Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah. Rakyat mahu tahu perkembangan terkini kluster keselamatan dan kluster kesihatan. Dua perkara ini jadi tumpuan seluruh rakyat Malaysia. Terbaru, kluster ekonomi mula sedikit demi sedikit mencuri perhatian rakyat yang



berasa bimbang terhadap masa depan mereka.

“Ya, saya maklum keselamatan adalah perkara utama. Ini soal keselamatan yang melibatkan nyawa dan lebih dari itu kedudukan keselamatan, ekonomi dan sosial negara juga dalam taruhan.

“Keadaan boleh jadi teruk dan kacau bilau seperti di sesetengah negara lain. Kita hendak pastikan keadaan terkawal dan lebih dari itu, pematuhan undang-undang dituruti pada waktu PKP berkuatkuasa,” tegasnya.



Mengajak rakyat untuk terus mematuhi arahan kerajaan, menteri kanan ini berkata keputusan sama ada PKP akan berakhir pada 14 April depan adalah keputusan kluster kesihatan di bawah KKM.

“Keputusan sama ada PKP akan dilanjutkan atau tidak adalah keputusan KKM. They lead this war (mereka mengetuai perang ini).

“Sebenarnya, untuk menang perang ini terletak sepenuhnya di tangan rakyat. Rantaian jangkitan wabak perlu diputuskan segera. Kita belum ada penawar atau vaksin bagi Covid-19. Itu (vaksin) pasti akan ambil masa,” katanya.

Ismail Sabri akui, tiada cara lain untuk hentikan wabak selain dari pastikan ia tidak merebak melalui kontak. Virus ini merebak cepat jika ada pembawanya. Manusia adalah pembawa paling mudah untuk Covid-19 bergerak dan tersebar luas.

Pemilik wajah yang terlihat sedikit penat ini bagaimanapun percaya, banyak hikmah di sebalik krisis Covid-19 yang melanda bukan sahaja Malaysia malah dunia.

Apabila berlaku pertukaran kerajaan campuran (PN), tidak boleh dinafikan bahawa pemimpin dari Barisan Nasional (BN) terutama UMNO terlihat kehadapan dan ini bukanlah disengajakan sebaliknya atas faktor pengalaman selama 62 tahun menjadi kerajaan.


“Pertama, saya tolak tuduhan kerajaan PN adalah kerajaan pintu belakang. Ia wujud hasil kelompongan akibat keruntuhan kerajaan lama Pakatan Harapan (PH) sendiri.



“Kedua, ada seribu hikmah di sebalik tertubuhnya kerajaan baru PN. Pemimpin UMNO dan BN banyak membantu di barisan hadapan tatkala negara sedang hadapi krisis Covid-19. *Track-record* pemimpin BN dan UMNO tidak boleh disangkal. Perkara ini (penularan Covid-19) mungkin boleh dibendung awal jika kerajaan terdahulu (PH) pantas ambil tindakan sewajarnya.

“Ketiga, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Presiden UMNO Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, timbalan dan naib-naib presiden, sahabat barisan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) dan seluruh ahli akar umbi parti yang beri sokongan padu waktu saya terpilih menyertai kabinet menteri kerajaan baru.

“Saya yakin, banyak hikmah di sebalik setiap kejadian yang berlaku hari ini. Tetapi inilah UMNO yang mendahulukan rakyat dalam apa juga keadaan di samping meneruskan agenda parti demi kelangsungan serta kepentingan Agama, Bangsa dan Negara,” seraya mengakhiri pertemuan khas bersama Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Shahril Hamdan dan ketua pengarang Pena PUMAS.



EKSKLUSIF: BERSAMA PRESIDEN UMNO

Y.B. DATUK SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI

oleh: Editor | pumasmagazine@aol.com

Pena PUMAS adalah sebuah produk Penerangan UMNO Malaysia dan ia merupakan adunan berita, peristiwa, analisis, pandangan dan sejarah digarap dalam satu wadah untuk bacaan umum. Bagi edisi pertama Pena PUMAS telah mendapatkan satu temubual istimewa untuk segmen Eksklusif. Insan istimewa tersebut tidak lain tidak bukan adalah Presiden UMNO Malaysia, Y.B. Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

“...kerajaan PN bukan dinaikkan menerusi pilihan raya sebaliknya muncul daripada kemelut politik yang memuakkan rakyat”



PP : Pandangan Y.B. Datuk Seri mengenai negara selepas perubahan Kerajaan Persekutuan kepada Perikatan Nasional (PN)

AZH : Alhamdulillah, kita membawa pengalaman lebih 60 tahun ke Putrajaya. Ini melegakan banyak pihak, terutama rakyat yang terpaksa hidup dalam angan-angan kosong selama 20 bulan. Perikatan Nasional (PN) menggabungkan aspirasi mereka dan kerajaan, dan ia dibuat dengan sokongan UMNO, Barisan Nasional (BN) dan PAS.



PP : Apakah perubahan Kerajaan Persekutuan memberi kesan kepada Muafakat Nasional (MN) ?

AZH : Saya tidak nampak sesuatu yang boleh melemahkan MN. Ia sebaliknya memperkuatkan BN dan MN kerana kami mampu membentuk ikatan kerjasama yang kuat di dalam Kerajaan PN. Kita sudah ada banyak kemudahan untuk memurnikan lagi MN tanpa menjelaskan BN mahupun mengusik hak parti Bersatu. Malah, ia membuka pintu kepada semua parti dalam PN untuk bekerjasama lebih kukuh lagi untuk rakyat dan negara.



PP : Ramai yang menghormati keputusan Datuk Seri yang menolak jawatan Kabinet. Mengapa menolak kedudukan tersebut?

AZH : Saya masih ada kes mahkamah. Biarlah mahkamah yang tentukan kebenaran saya, bukannya kerana ada campur tangan kerajaan. Saya akan hadapinya. Ini sudah saya nyatakan sebelum Y.A.B. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menamakan barisan Kabinetnya. Ini jelas dengan pendirian beliau untuk membentuk kerajaan yang bersih dan telus. Kalau nama saya dibersihkan di mahkamah, saya akan berpuas hati. Lagipun, jawatan dalam kerajaan adalah perkara nombor dua bagi saya. Paling utama ialah kita membela hak dan kepentingan rakyat, bukannya kepentingan politik peribadi.

PP : Meletakkan Shahril Hamdan selaku Ketua Penerangan dari kelompok Pemuda adalah ‘unprecedented’ dalam sejarah UMNO. Apa Komen Datuk Seri?



AZH : Ya. Saya kira UMNO perlukan suara yang lantang, berani dan berhaluan, terutamanya dalam usaha menyediakan golongan muda yang terpelajar sebagai barisan pelapis. Parti kita perlukan suntikan ‘energetic and pragmatic’ bagi melahirkan pemimpin masa depan. Arah dan teknik kita mesti diperbaharui. Bukan bermakna orang lama tidak mampu memikul tugas ini tetapi selepas tewas pada PRU-14, kita mesti akui betapa pentingnya tenaga muda dan penerimaan idea baharu mereka.

PP : Datuk Seri pernah menjadi Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri, melihat situasi Kerajaan Malaysia menangani Covid-19. Apa komen Datuk Seri?

AZH : Kerajaan sedang berusaha sebaik mungkin. Kita akui wujud sedikit kelemahan di sana-sini tetapi sedaya upaya ia cuba diatasi, misalnya sepanjang kawasan perairan yang sukar dikawal pada ketika itu. Saya rasa di sinilah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) harus berfungsi dalam membantu pihak berkuasa memantau setiap masa. Saya menaruh keyakinan bahawa wabak ini akan dapat diatasi berikut penggembangan tenaga semua pihak di barisan hadapan. Kita sentiasa mendoakan kesejahteraan dan keselamatan mereka.

PP : Mesyuarat-mesyuarat tahunan cawangan dan bahagian yang sudah dijadualkan awal terkesan kerana krisis Covid-19. Apa pelan tindakan UMNO Malaysia?



AZH : Bergantung kepada keadaan dan keputusan kerajaan. Ada pandangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu dilanjutkan lagi untuk mengawal keadaan. Jika ini berlaku, kita akan berbincang langkah apakah yang patut diambil serta apakah kesannya kepada parti, proses pemilihan tahun depan dan sebagainya. Apa pun, nyawa adalah keutamaan parti

sekarang. Mesyuarat boleh diadakan bila-bila selepas keadaan pulih, dan saya rasa ahli-ahli memahaminya.

PP : Apakah persiapan UMNO & MN menuju Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) ?

AZH : Saya pernah berkata bahawa sokongan MN dan BN terhadap kerajaan sekarang hanya laku sehingga PRU15. Ini bermakna MN perlu meningkatkan ‘*confident setting*’ dengan rakyat. Bergantunglah pada keadaan politik ketika itu tetapi buat masa ini, UMNO, Pas dan BN berpuas hati dengan pencapaian kami yang lalu, dan dengan itu akan sentiasa merangka strategi untuk pengukuhan bersama.



PP : MN adalah satu jenama yang diterima oleh rakyat terutama dalam 5 pilihan raya kecil (PRK) yang lalu. Apakah usaha bagi memperkuuhkan MN supaya berjalan lancar?

AZH : Nampaknya begitulah. Namun kita tidak harus alpa. Sokongan kuat itu wujud ketika UMNO, Pas dan BN menjadi pembangkang, ketika rasa meluat rakyat terhadap kerajaan Pakatan Harapan (PH) meluap-luap. Apabila kita menjadi kerajaan semula, kita perlu memantau tahap sokongan itu. Jadi, kita perlu kaji aspek ini sambil membuktikan fungsi kita di dalam kerajaan dilaksanakan dengan baik. Dari sinilah usaha memperkuuhkan MN mesti dipertingkatkan. Kita jangan cepat terlena disebabkan kuasa yang ada di tangan kita hari ini. Kuasa sebenar adalah di tangan rakyat, jadi berbaliklah kepada mereka. Apatah lagi kerajaan PN bukan dinaikkan menerusi pilihan raya sebaliknya muncul daripada kemelut politik yang memuakkan rakyat.

PP : Perkembangan MN setakat ini terutama dari segi bentuk kerjasama dalam hadapi PRU15?

AZH : Kita bertemu dan berbincang demi mencari titik persetujuan. Ia bermula dengan baik dan pasti akan dimuktamadkan dengan baik. Saya kira rakyat pun sudah tidak mahu melihat kemelut politik menjijikkan berlaku lagi. Mereka mahukan kerajaan bersifat sederhana dan ‘benevolent’ yang menjaga mereka dengan baik. Jika perlukan kami semua bekerjama pada PRU15, ia boleh dibuat. Kerjasama perlulah saksama dan demi masa depan rakyat serta negara, bukan laba diri sendiri. Biar apa pun bentuk kerjasamanya, ia mesti mampu membawa suara majoriti rakyat Malaysia.

PP : Harapan buat rakyat Malaysia?

AZH : Saya harap rakyat bersama dengan kerajaan yang sekarang. Jika baik, kekalkannya pada PRU akan datang. Perlu diingat bahawa dalam keadaan serba sukar sekarang, rakyatlah tumpuan kami apabila pakej rangsangan RM260 bilion diumumkan. ‘Be with us’, insya-Allah semuanya akan baik. Jika ia membawa kebaikan, buat apa kita cuba-cuba menukarnya seperti PRU lalu? Rakyat menentukannya.



Segmen “Eksklusif” dijayakan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Pena PUMAS, Muhamad Iqbal Jamal Jamaludin

“ ”

**UMNO dalam situasi
unik, yakni berada
dalam Kerajaan tanpa
mengemudinya**

” ”



SHAHRIL HAMDAN
KETUA PENERANGAN UMNO MALAYSIA

UMNO DALAM SENARIO POLITIK BAHARU

oleh: Shahril Hamdan

Ketua Penerangan UMNO Malaysia

Penularan wabak Covid-19 melanda pada ketika situasi politik negara juga melalui perubahan mengejut. Mungkin dikalangan pengamal politik yang sentiasa mengikuti kemaskini perkembangan politik hampir setiap hari, masing-masing mempunyai pandangan dan tafsiran tersendiri berhubung perubahan Kerajaan pada 1 Mac 2020. Namun, perlu diingat bahawa untuk rakyat kebanyakan, transisi politik itu berlaku dalam masa seminggu dan sudah pasti tiba sebagai kejutan mendadak.

Belum sempat mana-mana naratif kukuh bertapak, krisis global Covid-19 mengambil alih perhatian semua. Maka secara logik dan organik tanpa paksa, kerancakan perdebatan politik ditangguhkan. Perkataan utama ialah “ditangguhkan”, bukan dibatalkan.

Justeru, di samping kita menghormati keutamaan sebenar sekarang bukanlah politik, tidak salah untuk UMNO bersedia dengan pendekatan yang terbaik untuk memenangi persepsi lantas hati rakyat semasa dan selepas krisis Covid-19 mula menurun. Cuma kaedah strategi dan pendekatan itu perlulah berhikmah, dan tidak terlalu beria-ia sehingga mencemar sensitiviti situasi sekarang.

Izinkan saya berkongsi beberapa pandangan ke arah membina pendekatan syumul tersebut.

UMNO dalam situasi unik, yakni berada dalam Kerajaan tanpa mengemudinya. Kita tidak biasa dengan senario tersebut. Kita lazim mengetuai sesuatu situasi – sama ada sebagai Kerajaan atau pembangkang. Dalam erti kata lain, kita lazim dengan senario mutlak atau “absolute” – tidak biasa dengan keadaan separuh atau separa.



Hakikatnya, kini kita bukan dalam senario mutlak. Tak perlu saya mengulas panjang – pembaca semua faham maksudnya. Senario kelabu ini mendatangkan cabaran tetapi juga peluang. Terpulang sama ada kita mahu melihatnya dari sudut pandang optimis atau pesimis. Apa cabaran dan peluang tersebut?

Pertama, UMNO berpeluang menampilkan kekuatan dan kesiadaan membantu kebajikan rakyat sewaktu cabaran ekonomi yang sedang dan akan melanda. Benar, kita punyai kekangan tertentu pada waktu ini tetapi dengan peredaran masa dan kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kelak, jasa dan budi pimpinan tempatan UMNO berpotensi menyinar lebih terang berbanding parti lain. Malah, dalam kekangan sedia ada pun, media sosial parti sarat dengan laporan gerak kerja bahagian-bahagian yang masih kehadapan membantu kebajikan rakyat. Ini petanda positif. Tiada siapa

boleh menafikan, tidak ada parti lain sehebat UMNO dalam rangkaian akar umbinya – hanya sahabat kita Pas yang mungkin punyai capaian seumpama. Barangkali ia tidak akan mampu serancak dahulu, tetapi ia tetap kekuatan parti yang boleh digerakkan sebagai suntikan aktiviti politik yang membanggakan di samping menyumbang khidmat bakti ikhlas.

Kedua, mengulangi keunikan situasi yang telah digambarkan di atas, UMNO berpeluang menampilkan kematangan era baru yang cakna dengan tanggapan rakyat. Di sini, kita wajar menginsafi kebarangkalian bahawa rakyat kurang endah tentang persaingan atau dinamika politik antara parti dalam negara. Pada mereka, sebarang parti yang dilihat mengejar populariti semata-mata akan dicap sebagai tidak ikhlas atau tidak mengutamakan isu pokok disaat ini. Lihat sahaja bagaimana pemimpin-pemimpin parti pembangkang Pakatan Harapan (PH) yang cuba mempolitikkan pakej rangsangan ekonomi ataupun mempersoal kesahihan Kerajaan baru, dikritik masyarakat termasuk mereka yang pernah cenderung PH. Ini isyarat jelas untuk UMNO ambil maklum. Implikasinya, pada ketika ini, meskipun kita punyai agenda parti yang tak perlu kita segan silu, kaedah mencapai agenda tersebut perlu disulami kebijaksanaan luar biasa dan tidak sehingga menaikkan kemosykilan dan tandatanya di kalangan rakyat.

Ketiga, soal dasar dan halatuju Kerajaan. Menyentuh soal kebijaksanaan kaedah seperti digambarkan di atas, kita wajar mengambil peluang kedudukan dalam Kerajaan untuk membentuk dasar yang terbaik, di samping memimpin desakan dari luar tatkala perlu. Bagi saya, poin ketiga ini adalah cabaran dan peluang paling rumit. Tetapi jika kita berjaya, ia menjanjikan pulangan terbaik untuk parti dan negara. Rumit kerana kaedah mendesak itu tidak semudah dan se-mutlak dahulu. Rumit kerana kita ada wakil dalam Kerajaan, di samping ada pemimpin di luar Kerajaan. Persefahaman jitu seluruh parti akan teruji disaat ini. Jika UMNO bijak memposisi, kita mampu mendapat keuntungan dari kedua-dua sudut. Sebaliknya, berdasarkan sifir yang sama, jika kita gagal, kita akan gagal berganda - Yang dikehjarnya



dapat, yang dikendong berciciran.

Inilah senario yang mendepani parti sekarang. Hampir dua tahun selepas keputusan PRU14, pelbagai perubahan telah melanda politik negara; tidak kurang juga perubahan dalam UMNO itu sendiri. Ada perubahan yang kita sangka, malah ada yang kita rancang, tetapi banyak lagi yang tidak kita jangka atau kawal. Itulah takdir Allah SWT. Terpulang kepada parti kita bagaimana hendak respon kepada situasi kian berubah ini.

Sepertimana Presiden kerap berkata, politik adalah dinamik dan bukan statik. Maka, UMNO juga perlu anjal – terikat hanya kepada maqasid perjuangan tanpa terlalu egois dalam pendekatan. Saya yakin UMNO dipenuhi kepimpinan di setiap peringkat yang jauh lebih bijaksana dalam mengurus lanskap ini. Dengan izin Allah, kejayaan menanti.



**Sepertimana Presiden kerap berkata,
politik adalah dinamik dan bukan statik.
Maka, UMNO juga perlu anjal**



Bual Bicara

bersama

YAB. DATUK SERI HAJI WAN ROSDY WAN ISMAIL

oleh: Editor | pumasmagazine@aol.com

Sudut Bual Bicara Pena PUMAS menampilkan Menteri Besar Negeri
Pahang Darul Makmur Y.A.B. Datuk Seri Haji Wan Rosdy Wan Ismail.

Keterbatasan pergerakan waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa tidak menghalang tim Pena PUMAS untuk berkomunikasi seterusnya mendalamai pemikiran Menteri Besar yang dilantik semenjak 15 Mei 2018 lalu berkaitan kelangsungan agenda perjuangan parti keramat UMNO serta peperangan terhadap Covid-19 yang mengancam bukan sahaja negara bahkan dunia.

Membuka soalan dengan pertanyaan terhadap kerajaan baru Perikatan Nasional (PN), beliau mengatakan bahawa ia adalah takdir yang didorong oleh kelemahan kerajaan lama Pakatan Harapan (PH) sendiri.



“Pertama ingin saya jelaskan bahawa UMNO tidak pernah berganjak dari matlamat dan perjuangan menegakkan Agama, Bangsa dan Tanahair tercinta. Kita akan terus mengangkat perjuangan ini ke tahap yang lebih tinggi setiap masa.

“Kedua, apabila berlaku perubahan kerajaan lama kepada baru, ia sebenarnya adalah kejayaan kita mengkritik kerajaan lama terutama soal dasar.

“Di sini amat jelas, PH memerintah hampir 22 bulan lamanya, kita tidak nampak dasar yang menguntungkan rakyat. Bertambah parah, dasar-dasar yang selama ini memberi kelebihan kepada kaum majoriti iaitu Melayu telah diganggu-gugat walaupun ia (dasar-dasar) jelas diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara seperti perkara berkaitan hak-hak istimewa, bahasa dan agama Islam,” jelasnya.

Beliau seterusnya berkata bahawa kelemahan PH bukan sahaja ternampak oleh ahli politik bahkan dirasai rakyat keseluruhannya, dan kesempatan itu diambil oleh UMNO dan Pas yang bergandingan membuat satu gerakan baharu dinamakan Muafakat Nasional (MN). Apabila kerajaan lama tumbang akibat krisis dalaman mereka sendiri, hasrat UMNO dan Barisan Nasional (BN) serta gerakan MN secara amnya adalah bersetuju untuk mengambil kedudukan yang ditinggalkan kosong.



ABATA.

“It’s a blessing in disguise. Kerajaan PH tumbang kerana masalah mereka sendiri dan kita masuk kerana dasar mereka (PH) yang selama 22 bulan ini merugikan bangsa dan agama. UMNO mahu pulihkan semula (dasar-dasar) bersama sahabat baru dalam MN kerana matlamat kita (UMNO dan PAS) adalah sama,” katanya lagi.

Mengakui bahawa dalam kepimpinan UMNO pun masih ada yang mempertikaikan komposisi lantikan (jemaah menteri), itu tidak menghalang UMNO secara kolektif bersetuju dengan rakan komponen BN, MN, Bersatu dan beberapa parti di Sabah dan Sarawak untuk sama-sama membentuk kerajaan campuran baharu.

“Saya ambil contoh di Pahang. Hari ini kerajaan negeri adalah kerajaan BN. PAS awal lagi sudah tolak untuk bersama dalam kabinet

“Secara jujur, saya tidak nampak hanya kerana adanya pemimpin UMNO atau BN terpilih dalam barisan kabinet baru Y.A.B. Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) telah membuatkan UMNO terasa melalui satu proses pembaharuan atau perubahan. Macam saya cakap tadi, UMNO tetap UMNO yang mengangkat perjuangan

exco (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri). Mereka mahu tumpukan gerakerja ke arah PRU ke-15.

“Maka kita (UMNO) pun sama bekerja untuk kuatkan parti dan saya secara peribadi yakin bahawa kita mampu bukan setakat mempertahankan kerajaan negeri (Pahang) pada PRU ke-15 nanti bahkan memperkuuhkan lagi kerajaan ini dengan adanya kerjasama MN. Kita turut beri tumpuan khas untuk merebut semula kerusi-kerusi parlimen yang kita tewas di Kuantan, Bandar Indera Mahkota, Raub, Bentong dan Temerloh.

“Kesimpulannya, sebagai sebahagian dari Kerajaan Persekutuan di bawah PN, UMNO akan terus bekerja bukan setakat mentadbir bersama di bawah kerajaan campuran tetapi (pada masa sama) memperkuatkan parti. Jika UMNO kuat, ditambah kerjasama padu MN, saya yakin kita boleh kembali menang pada PRU ke-15 nanti,” tegas Wan Rosdy.

Beralih kepada soal Covid-19 yang menjadi bencana besar kepada negara dan dunia, Menteri Besar ini berpandangan bahawa dengan gerakerja yang dilakukan oleh kerajaan pusat, beliau yakin krisis ini akan dapat diatasi dan ditamatkan segera. Apa yang membimbangkan beliau adalah kesan ke atas krisis tersebut terutama soal ekonomi.

“Ada dua kesan berakibat dari krisis Covid-19 ini iaitu kesan jangka pendek dan panjang. Bagi kesan jangka panjang saya berpandangan bahawa dunia akan alami satu perubahan besar terutama ekonomi. ‘New global economic recession’ pasti akan berlaku dan prediksi ini sudah pun dibuat oleh pakar ekonomi sedunia. Kerajaan negeri akan lihat dahulu apa pelan yang akan dirangka di peringkat persekutuan. Namun itu tidak akan membataskan kerajaan negeri mula memikirkan sama secara makro dan mikro.



“Bagi kesan jangka pendek, kerajaan negeri sangat prihatin terhadap rakyat secara amnya serta pihak-pihak peniaga terutama dalam sektor perusahaan kecil sederhana (PKS), pertanian, pelancongan dan sebagainya. Kita telah klusterkan pecahan mereka dan telah melaksanakan 22 inisiatif berkala sejak PKP dilaksanakan hingga-lah tambahan masa kedua dan ketiga sesuai dengan pelan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan tambahannya yang diumumkan oleh PM. Sehingga kini kerajaan negeri telah sediakan sejumlah RM24.347 juta di mana sebahagian besarnya telah pun disalurkan kepada pihak yang terkesan secara langsung.

“Hingga kini, seramai 136,074 penerima bantuan telah direkodkan tidak kira di ceruk mana sekali pun mereka berada baik di pekan dan bandar atau di kampung termasuk kampung rancangan serta kampung baru kaum Cina. Untuk permudahkan bantuan dapat disalurkan segera tanpa karenah birokrasi (dan) sebagainya kita telah gerakkan semua agensi di bawah kerajaan negeri seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), penghulu dan ketua-ketua kampung serta pemimpin dan penggerak masyarakat. Pelajar atau mahasiswa termasuk yang berada di luar negara pun kita kenal pasti dan bantu. Bahkan sebanyak RM252 ribu telah kita agihkan kepada Adun-adun di seluruh 42 kawasan DUN tidak kira dari parti mana pun mereka kerana penting bagi kita untuk pastikan tidak ada sesiapa pun ketinggalan dari terima bantuan dalam saat genting hadapi krisis Covid-19 ini,” ulas Menteri Besar.

Ditanya tentang harapan dan nasihat Menteri Besar ini kepada rakyat negeri Pahang beliau berkata, “Seperti orang lain saya juga amat berharap krisis Covid-19 ini akan tamat segera dan kehidupan kembali normal. Tetapi perang melawan Covid-19 ini senjatanya adalah anda semua dengan mematuhi semua nasihat, arahan dan larangan yang diberikan oleh pihak berwajib. Duduk di rumah, kita jaga kita. Kita mesti menang!”

**YB SENATOR
TENGKU DATUK SERI**

*Zafrul
Aziz*



PERSPEKTIF

oleh: Editor | pumasmagazine@aol.com

Personaliti pilihan Pena PUMAS bagi segmen Perspektif kali ini adalah individu yang baru dilantik sebagai Menteri Kewangan Malaysia, Y.B. Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Mendepani krisis Covid-19, Pena PUMAS cuba mendapatkan perspektif Tengku Zafrul tentang ekonomi yang sedang dan bakal dihadapi oleh bukan sahaja rakyat Malaysia amnya bahkan pelbagai sektor khususnya pentadbiran Kerajaan Persekutuan sendiri.



PP : Sebagai seorang tokoh korporat dan teknokrat yang bukan seorang ahli politik, apakah perasaan YB apabila mendapat lantikan sebagai Menteri Kewangan, sebuah portfolio yang amat penting dalam sistem Kerajaan Malaysia?

TZ : Saya berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana beliau memberi peluang ini kepada saya.

Ia merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang sangat besar, lebih-lebih lagi pelantikan ini adalah pada masa yang amat *unprecedented* (luar jangkaan) ini dengan penularan wabak COVID-19 dan cabaran ekonomi global.

Dalam 30-hari pertama saya sebagai Menteri Kewangan (10 Mac – 10 April 2020), Kementerian Kewangan telah menggubal 2 pakej rangsangan ekonomi – ia tidak pernah dilakukan sebelum ini. Saya amat berterima kasih kepada semua rakan-rakan sekerja di Kementerian Kewangan kerana memberi sokongan yang jitu pada peringkat awalan ini. Walaupun saya baru menerajui Kementerian, tetapi kami berupaya bekerja sebagai satu ‘Pasukan MOF’ untuk mengatasi segala kerumitan hingga lahirnya pakej-pakej rangsangan ekonomi tersebut.

PP : Pakej rangsangan bernilai RM250b mendapat pelbagai maklum balas. Bagi YB Senator, apakah elemen yang paling utama dalam pakej tersebut.



TZ : Elemen yang paling penting Pakej PRIHATIN ialah memastikan tiada seorang pun Rakyat Malaysia yang ketinggalan ataupun “*no one is left behind*” dalam keadaan krisis kesihatan dan ekonomi yang melanda bukan sahaja Malaysia tercinta, tetapi seluruh dunia. Kerajaan ingin memastikan setiap lapisan masyarakat, dari-pada golongan mudah terjejas (*vulnerable*) hingga ke peniaga PKS dan mikro dan petugas barisan hadapan dilindungi dan

diberi sokongan dalam menghadapi COVID-19 dan mematuhi PKP.

Jika kita imbas kembali, PRIHATIN telah diumumkan YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 dengan peruntukan sebanyak RM230 bilion. Pakej PRIHATIN mempunyai 3 matlamat utama iaitu: Lindungi Rakyat, Sokong Perniagaan, dan Perkujuh Ekonomi. Pada 6 April pula, Pakej PRIHATIN TAMBAHAN yang khusus buat PKS diperkenalkan dengan tambahan peruntukan sebanyak RM10 bilion. Keseluruhan PRIHATIN (termasuk PRE2020 yang diumumkan sebelum ini) berjumlah RM260 bilion. Ini merupakan yang terbesar dalam sejarah negara apabila menghadapi krisis ekonomi sebegini dan juga yang terbesar di kalangan negara membangun seluruh dunia.

PP : Ada yang mempertikai bahawa suntikan fiskal pakej tersebut hanya RM25b. Apa respon YB terhadap persepsi tersebut?

TZ : Majalah ternama *The Economist* telah mengiktiraf bahawa kerjasama antara kerajaan, swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam merangka pakej rangsangan ekonomi Malaysia adalah sesuatu yang amat istimewa. Pendekatan ini luar biasa kerana majoriti rangsangan ekonomi di negara lain hanya bergantung kepada suntikan fiskal kerajaan semata-mata. Di Malaysia, ia adalah tanggungjawab bersama semua pihak. Saya amat berbangga dengan PRIHATIN kerana keunikan ini.

PRIHATIN harus dilihat secara keseluruhannya.

Pertama sekali, jumlah suntikan fiskal langsung adalah sebanyak RM35 bilion – iaitu tambahan RM10 bilion selepas pengumuman PRIHATIN TAMBAHAN. Peruntukan ini digunakan untuk membantu meringankan beban rakyat secara terus. Contohnya:

- RM10 bilion untuk Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang dianggarkan akan membantu lebih 10 juta rakyat Malaysia;
- RM300 juta untuk pembiayaan RM200 kepada 1.5 juta pelajar IPT;
- RM60 juta untuk membantu pemandu e-Hailing;
- RM13.8 bilion untuk program subsidi upah yang akan dapat melindungi pekerja dan pelbagai lagi.
- Kerajaan juga memperuntukkan RM25 juta yang akan disalurkan melalui NGO untuk membantu golongan mudah terjejas seperti OKU, gelandangan, kanak-kanak dan warga emas.

Kedua, bantuan yang diberikan dengan kerjasama pihak swasta dan GLC membolehkan Rakyat menikmati penjimatan dan juga mengurangkan beban aliran tunai. Contohnya:

- diskaun elektrik yang diberikan TNB akan membolehkan Rakyat menjimat sehingga RM1.3 bilion;
- internet percuma kepada semua pengguna akan melibatkan kos RM600 juta;

- Program moratorium bayaran balik ansuran bank melibatkan sebanyak RM100 bilion;
- manakala program i-Lestari KWSP yang melibatkan RM40 bilion dijangka dapat membantu pengurusan aliran tunai Rakyat.

PP : Penganalisa ekonomi sedunia menggambarkan bahawa krisis ekonomi yang disebabkan Covid-19 akan jauh lebih serius dari krisis ekonomi 2008. Apa persediaan Kementerian Kewangan melangkaui Pakej Rangsangan Ekonomi RM250b itu?

TZ : Ya, menurut IMF, unjuran pertumbuhan ekonomi global adalah negatif disebabkan penularan COVID-19 dan dijangka lebih serius daripada krisis ekonomi 2008. Bagi ekonomi Malaysia, menurut Bank Negara Malaysia, unjuran pertumbuhan KDNK adalah di antara -2 dan 0.5.

Walaubagaimanapun, ekonomi dijangka mula pulih pada suku ke-3 atau 4 tahun 2020 dan melonjak kembali pada tahun depan, In sha Allah. Menurut agensi penarafan kredit antarabangsa, *Fitch Ratings*, ekonomi Malaysia dijangka tumbuh 5.8% pada tahun 2021. Unju

ran World Bank pula adalah 6.4% manakala IMF adalah 9%. Tapi rakyat harus sedar, kesemua ini bergantung kepada kebolehan kita untuk memenangi perang wabak COVID-19 secepat mungkin. Sekarang ekonomi sedunia terjejas kerana wabak Covid-19—siapa yang segera sembuh, maka negara itu akan lebih pantas memulihkan ekonominya.

PRIHATIN dirangka untuk mencapai matlamatnya dalam masa 3 hingga ke 6 bulan iaitu usaha jangka masa pendek dan sederhana. InshaAllah, jika kita berjaya menangani COVID-19 dalam tempoh PKP, PRIHATIN sedia ada mencukupi. Walaubagaimanapun, Kerajaan bersedia untuk mengambil tindakan rangsangan ekonomi tambahan jika ada keperluan.



PP : Antara kegusaran rakyat adalah pelaksanaan pakej rangsangan. Apakah perancangan Kementerian Kewangan untuk memastikan sistem pelaksanaan berjalan lancar dan tidak mengecewakan rakyat?

TZ : Pada 16 Mac lalu, saya telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional ataupun nama singkatnya, **LAKSANA**, untuk meneliti, memantau, dan memastikan PRIHATIN akan dilaksanakan dengan cepat dan tepat, dan sampai ke setiap peringkat rakyat serta memanfaatkan golongan akar umbi.

Alhamdulillah, pada 14 April 2020, saya telah berkongsi laporan pertama pencapaian pelaksanaan PRIHATIN kepada orang awam melalui Facebook saya @Tengku Zafrul. Saya berharap untuk membuat laporan mingguan mengenai tahap pencapaian pelaksanaan PRIHATIN untuk membuktikan kepada Rakyat bahawa kerajaan serius dalam perkara ini. Orang ramai juga dijemput untuk memberi maklum balas melalui emel mk@treasury.gov.my atau prihatin@treasury.gov.my.

PP : Ramai yang terkejut dengan saiz pakej rangsangan tersebut kerana selama ini wujud persepsi bahawa Kerajaan tidak ada dana untuk berbelanja. YB menyebut dalam wawancara bersama Astro Awani bahawa sistem kewangan Kerajaan sebenarnya mampu menampung perbelanjaan tersebut. Boleh YB terangkan sedikit sebanyak sumber kewangan yang wujud?

TZ : Defisit belanjawan negara dijangka akan meningkat sedikit kepada 4.7% susulan langkah-langkah PRIHATIN. Namun, defisit belanjawan ini masih belum mencapai tahap ketika krisis kewangan dunia 2009 iaitu 6.7%, bermakna kita masih ada ruang yang mencukupi.

Alhamdulillah, Kerajaan juga mempunyai ruang fiskal dan sumber dalaman yang mencukupi. Sebagai contoh, sistem kewangan masih mempunyai modal berlebihan (excess capital buffer) berjumlah RM121 bilion, iaitu 3 kali ganda berbanding hanya RM39 bilion

ketika krisis ekonomi global pada tahun 2008. Menurut Bank Negara Malaysia (BNM) ketika mengumumkan unjuran pertumbuhan KDNK negara pada 3 April 2020 tempoh hari, ujian simulasi kejutan ekonomi yang dilakukan oleh BNM menunjukkan kita mempunyai penampungan modal (capital buffer) yang mencukupi.



PP : Jika ada keperluan untuk Kerajaan berhutang, adakah Kerajaan bersedia untuk melaksanakannya? Apakah implikasi penambahan hutang Kerajaan?

TZ : Hutang negara pada hujung 2019 berada pada tahan 52.5%. Pelaksanaan pakej prihatin, tentunya akan meningkatkan defisit serta kedudukan hutang kerajaan persekutuan. Had statutory hutang negara adalah 55%.

Dengan mengambil kira suntikan fiskal PRIHATIN, hutang domestik dijangka tidak melebihi 55%.

Kerajaan akan meneruskan langkah untuk menguruskan pinjaman dan liabiliti negara dengan lebih berhemah. Di samping itu, kecairan dalam negeri yang cukup serta kadar faedah semasa yang rendah akan memberi ruang dan kelebihan kepada kerajaan untuk mendapatkan dana tambahan menerusi pinjaman seterusnya, jika perlu.

PP : Berbalik kepada soal pelaksanaan, penubuhan Unit Pelaksanaan & Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) dilihat amat penting dalam kejayaan PRE. Namun, sejauh mana unit ini yang diletakkan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai mandat merentasi Kementerian-kementerian lain?

TZ : Alhamdulillah, LAKSANA mendapat sokongan yang padu daripada semua Menteri dan Kementerian dan agensi pelaksana yang terlibat. Mandat LAKSANA telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan PRIHATIN dan setiap minggu pelaporan pencapaian akan diangkat ke Kabinet dan Majlis Tindakan Ekonomi untuk penelitian dan maklumbalas.

PP : Antara kritikan yang sering diketengahkan adalah birokrasi Kerajaan yang tidak mesra rakyat. Sebagai seorang teknokrat yang mungkin tidak mempunyai pengalaman luas sebagai barisan hadapan bersama rakyat akar umbi, apa perancangan YB supaya segala usaha atas kertas oleh Kementerian Kewangan dapat diterjemahkan?

TZ : Komunikasi berkesan adalah sangat penting. Oleh itu, saya sentiasa memastikan Unit Komunikasi Korporat di Kementerian peka dan cepat bertindak dalam menyediakan siaran media, infografik, atau video yang berkaitan untuk disampaikan kepada Rakyat serta menjawab panggilan yang terima melalui Hotline Kementerian. Penggunaan media sosial juga sangat penting untuk memastikan maklumat yang betul sampai ke golongan akar umbi. Tiada jalan mudah. Kita perlu berusaha untuk memastikan maklumat yang tepat sampai kepada Rakyat.

PP : Selain menangani cabaran ekonomi pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Covid-19 secara amnya, apakah aspirasi YB sebagai Menteri Kewangan?

TZ : Saya ingin memastikan ekonomi negara kembali kukuh dan institusi kewangan negara disegani di peringkat antarabangsa. Dari sudut ini, saya ingin memastikan amalan governans atau tadbir urus yang terpuji, GLC dipimpin secara profesional, gejala rasuah dibendung dan sektor swasta diperkasa. Tambahan lagi, saya ingin memastikan

setiap lapisan Rakyat dapat menikmati kekayaan hasil daripada aktiviti dan peluang yang disediakan oleh ekonomi negara dan global.

PP : Selain menangani cabaran ekonomi pasca PKP dan Covid-19 secara amnya, apakah aspirasi Y.B. Senator sebagai Menteri Kewangan?

TZ : Saya ingin memastikan ekonomi negara kembali kukuh dan institusi kewangan negara disegani di peringkat antarabangsa. Dari sudut ini, saya ingin memastikan amalan governans tertinggi dipatuhi, GLC dipimpin secara profesional, gejala rasuah dibendung dan sektor swasta diperkasa. Tambahan lagi, saya ingin memastikan setiap lapisan rakyat dapat menikmati kekayaan ekonomi yang membangun.

PP : Apa nasihat Y.B. Senator kepada rakyat Malaysia dalam menghadungi cabaran bulan-bulan mendatang?

TZ : Pertama sekali, marilah kita bersama-sama mematuhi PKP dan memastikan penularan wabak COVID-19 ini dapat ditangani. Lebih cepat kita pulih dan lebih cepat kita dapat membangunkan ekonomi negara.

Kedua, moja tabah dan sabar. *It will take time to return to the same as before.* Kerajaan akan membuat sedaya upaya untuk membela nasib Rakyat yang terkesan oleh COVID-19 ini.

Ketiga, kita harus yakin bahawa kita akan melonjak kembali. Firman Allah SWT dalam Al-Quran, surah Al-Baqarah ayat 286:

لَا يَكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

yang bermaksud: “Allah tidak memberati seseorang melainkan yang terdaya olehnya”.

Ayat ini telah dikongsi oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapannya baru-baru ini. Beliau berkata, “berpegang kepada ayat ini, saya percaya dugaan yang dibawa oleh wabak Covid-19 ini dapat kita atasi bersama dengan penuh usaha dan tawakkal” In Shaa Allah.

Yakinlah, kita rakyat Malaysia, memiliki kekuatan dan kecekalan diri untuk mengatasi cabaran ini. Jadikan peluang ini untuk membuktikan kepada negara lain yang rakyat Malaysia adalah bangsa yang bijak berikhtiar dan berhati cekal.

METROPOLITAN

oleh: Khairil Baharuddin | khairil.baharuddin@gmail.com

(dengan kerjasama rapat Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan)



“KL RED ZONE”

Kuala Lumpur tidak asing bagi susuk tubuh ini. Hampir 47 tahun lamanya beliau menetap di kota metropolitan ini.

Bermula sebagai pelajar jurusan Perancang Bandar dan Desa di Universiti Teknologi Malaysia sehingga beroleh sarjana penuh dalam bidang Pengurusan Pembinaan di University College of London dengan biasiswa dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), beliau lantas memulakan karier awalnya di DBKL.

Pernah menetap di sekitar Kuala Lumpur seperti Keramat, Kampung Baru, Seri Gombak, Jalan Conlay dan akhirnya memilih sebuah rumah yang selesa untuk dirinya dan keluarga di Bukit Damansara. Kini, 25 tahun di Bukit Damansara tidak menghalang sama sekali untuk beliau terus berkhidmat di kawasan kelahirannya sekitar Bukit Marak dan Ketereh, Kelantan.

Beliau yang dimaksudkan adalah Ahli Parlimen Ketereh merangkap Menteri Wilayah Persekutuan, Y.B. Tan Sri Annuar Musa.

Kuala Lumpur bukanlah satu tempat asing bagi dirinya, maka tepatlah kedudukan beliau kini diangkat sebagai Menteri Wilayah Persekutuan. Sudut metropolitan cuba menyelami fikiran yang dilakukan oleh Tan Sri Annuar Musa dalam memerangai musuh no. 1 negara dan dunia, Covid-19.



KL Negeri Kedua Dengan Kes Covid-19 Tertinggi

Kuala Lumpur (KL) merupakan kawasan yang pesat dan padat dengan penduduk. Banyak aktiviti yang dilakukan di KL yang merupakan ibu kota negara. Sudah pasti wabak Covid-19 yang mudah berjangkit ini akan memberi kesan kepada KL.

Umum tahu kluster tabligh yang bermula di Masjid Sri Petaling merupakan kawasan dengan banyak jangkitan maka kesiapsiagaan untuk memperkemaskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dengan lebih menyeluruh. Selain itu beberapa kawasan yang mencatat jangkitan Covid-19 yang tinggi akan diberi pemerhatian serius.

Kementerian telah mengenal pasti ‘hotspot’ dan akan terus berganding bahu dengan agensi serta petugas keselamatan memastikan PKP berjalan dengan lancar di Wilayah Persekutuan (WP), Putrajaya dan Labuan.

Isu mengawal penularan virus ini satu perkara yang perlu diberi perhatian cukup serius terutama bagi kota raya seperti KL. Ini kerana penularan berlaku hanya dengan kontak. KL merupakan kawasan aktiviti tinggi, aktiviti harian banyak, jumlah penduduk bergerak dalam pelbagai bentuk. Kerana itu juga cabaran menentang Covid-19 ini harus dilaksanakan bersama.

‘KL Red Zone’

Ada beberapa kawasan diistilahkan sebagai zon merah dan oren seperti Lembah Pantai, Kepong, sekitar Jalan Masjid India dan beberapa kawasan lain. Aktiviti tidak lagi serancak dahulu dan hanya mereka yang diberi pelepasan untuk bekerja sahaja berada di atas jalan raya dan premis.

Arahan PKP yang telah diperketatkan memberi signal kerajaan sangat serius. Terutamanya pada kawasan titik merah (red zone) perlu lebih tegas dan diperketatkan.

Ini adalah kerana kawasan di KL terutamanya banyak perumahan berbentuk kondominium serta pangsapuri yang mana jumlah penduduknya ramai. Jika ‘outbreak’ berlaku di kawasan tersebut maka kes boleh ‘spike’ pada jumlah yang membimbangkan. Kerana itu tindakan yang lebih tegas dan sistematik dilaksanakan.

Usaha Kementerian Wilayah Persekutuan Dalam Menangani Covid-19

Usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) terpecah kepada tiga aspek :

1. Aspek Kesihatan; yang mana bertindak mewujudkan satu sistem dalam penyampaian maklumat mengenai Covid-19 kepada rakyat, mengenai status mengikut kawasan, bantuan kepada petugas perubatan, bantuan usaha saringan, penyediaan pusat-pusat kuarantin serta usaha disinfeksi melalui “Ops Nyah Cemar” di premis dan kawasan yang dikesan menjadi punca penyebaran wabak.
2. Aspek Penguatkuasaan PKP dibantu bagi memastikan pelaksanaan PKP berjaya. KWP juga memberi bantuan kepada petugas keselamatan dan mereka yang terlibat dengan PKP. Selain itu sistem pengurusan gelandangan serta kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin membantu gelandangan diwujudkan. KWP juga melaksanakan pengurusan pasar atau tempat sesak dengan amalan ‘social distancing’.





3. Aspek Pengurusan Impak Covid-19 dan PKP juga diambil berat oleh pihak kementerian terutamanya kesan sosio ekonomi yang melibatkan setiap warga kota seperti rakyat yang bekerja, yang berkerja dari rumah, para penjaja dan peniaga kecil, pemilik gedung besar dan petugas-petugas barisan hadapan. Maka inisiatif “Wilayah Cakna” diprogramkan untuk menyelaraskan bantuan.

Antara tindakan pertama yang dibuat adalah mewujudkan **Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan (JKKN-WP)** dan membentuk ‘Crisis Management Centre’ (CMC) yang berpusat di Bangunan DBKL Jalan Pahang untuk memudahkan penyeiarasan maklumat, komunikasi dan tindakan yang perlu diambil bagi memerangi wabak ini. Kini pembentukan JKKNWP dan CMC menjadi model dan contoh pengurusan memerangi Covid-19 bagi peringkat negeri.



Nadi Dan Nyawa Wilayah Persekutuan

Warga kota adalah nadi dan nyawa kepada WP merangkumi semua pemilik perniagaan termasuk penjaja dan peniaga kecil. KWP mengambil pendekatan menyelami kesan-kesan yang wujud kerana Covid-19 ini.

Maka beberapa inisiatif telah diambil antaranya mereka yang menyewa premis di bawah DBKL diberi sewa percuma selama 6 bulan, yuran lesen perniagaan percuma dan sumbangan RM500 kepada pemilik lesen perniagaan.

KWP juga mengambil berat akan golongan gelandangan, maka inisiatif bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memindahkan mereka ke pusat khusus di tempat terkawal sepanjang PKP bagi melindungi mereka supaya tidak dijangkiti Covid-19.

Selain itu aktiviti-aktiviti perniagaan dihadkan selain memastikan semua warga Wilayah akur untuk tidak melakukan sebarang aktiviti di pusat-pusat ibadat. Menghayati sebenar bahayanya Covid-19, kita harus mendapat kefahaman tentang wabak ini maka kita akan terus mematuhi PKP ini secara disiplin.

SANA SINI

oleh: Khairir Baharuddin | khairir.baharuddin@gmail.com

SANA SINI membawa pembaca ke Parlimen Kinabatangan bersama YB Datuk Seri Bung Mokhtar Radin serta kisah-kisah sewaktu pandemik Covid-19.

bersama

YB Datuk Seri

Bung
Mokhtar

(1) Pada hemat saya, jika masalah ‘Ingkar Perintah’ ini tidak diambil serius maka misi kerajaan untuk memerangi penularan wabak Covid-19 pasti tidak akan berjaya. Seharusnya ‘Perintah Kawalan Pergerakan’ (PKP) ini dipatuhi kerana hanya dengan cara ini kita dapat menekan Covid-19 daripada terus menular di negara kita.



(2) UMNO Sabah memandang serius saranan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO Malaysia untuk menangguhkan segala jenis mesyuarat atau majlis yang berkaitan parti. Semua kepimpinan UMNO Sabah senada dalam menyeru rakyat untuk terus berada di rumah kerana ketika ini wabak Covid-19 ini masih belum ditemui penawarnya. Hanya dengan mematuhi PKP dapat membantu kita semua.

(3) Selain daripada penangguhan tugas-tugas parti, UMNO Sabah juga meneruskan khidmat masyarakat dengan mengedarkan sumbangan seperti ‘hand sanitizer’ dan topeng muka kepada barisan hadapan yang bertugas. Kempen kesedaran kepada orang awam giat dijalankan bagi memastikan langkah pencegahan dapat dilaksanakan kerana situasi amat kritikal ketika ini





(4) Kerana polemik politik yang berlaku di Sabah, kini tanggung-jawab untuk menggalas tugas sebagai Penggerusi Perhubungan Negeri Sabah telah diserahkan kepada saya. UMNO Sabah dengan kepimpinan baru telah berjaya memulihkan dan menyusun semula bahagian-bahagian UMNO di Sabah. Perancangan yang lebih kemas telah disusun dengan rapi. Tugas kami seterusnya adalah turun ke bawah menguatkan ahli di akar umbi serta megukuhkan jentera UMNO Sabah, demi memastikan kemenangan di Sabah akan dipulangkan semula kepada UMNO. Untuk perancangan jangka masa panjang, UMNO Sabah telah menghantar tenaga pengajar untuk berkursus di Eropah berkenaan pengkaderan dan pembentukan pemimpin masa hadapan di Sabah.

Dengan izinNya, dalam masa terdekat UMNO Sabah akan memulakan kaderisasi lebih kurang dalam 100 orang pemimpin muda untuk diketengahkan pada masa akan datang. Manakala dari segi dasar, UMNO Sabah sedang berusaha merangka penuh sebuah tawaran baru untuk dikemukakan kepada rakyat Sabah kelak. Buat masa ini kita sudah ada '11 NEW DEAL' yang bakal dilaksanakan apabila UMNO kembali memegang tumpuk kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah.

5




(5) Bagi menghadapi krisis ekonomi penangan Covid-19 ini, saya melihat rakyat perlu bertindak bijak dalam menguruskan kewangan kerana kesannya tidak mustahil akan berpanjangan sehingga tahun 2021. Melalui pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang banyak terkesan terumata golongan B40.

Untuk negeri Sabah, saya mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan menumpukan kepada pembangunan yang lebih di Sabah serta menaiktarafkan industri yang sedia ada supaya dapat merancakkan kembali ekonomi di Sabah.

(6) Hanya dengan kerancakan ekonomi dapat membantu semua rakyat Sabah tidak mengira kawasan bandar, separa bandar maupun luar bandar. Hasil pendapatan di Sabah, yang kedua terbesar adalah dari sektor pelancongan dan kita lihat apabila sejak wabak menyebabkan pelancong tidak masuk ke Sabah maka menjunamlah ekonomi rakyat termasuk negeri Sabah sendiri. Saya memohon juga agar dikembalikan semula subsidi minyak kepada nelayan serta bantuan khas kepada petani kecil yang sangat membantu

6





(7) Harapan saya untuk rakyat Sabah. Kita haruskekalkan perpaduan yang kita jaga selama ini, terus harmoni dan saya yakin apabila kita bersatu padu apa juam asalah yang melanda pasti kita akan dapat lalui bersama.

Tidak kira sama ada anda ahli perniagaan, doktor, petani, nelayan bersama-sama lah kita bergabung tenaga dan kudrat untuk mengangkat bumi Sabah yang kita sayangi ini ke satu peringkat yang lebih tinggi. Kita berdoa dan usaha bersama, saya yakin tuhan pasti bersama kita. InsyaAllah jika diberi peluang kepada UMNO untuk merintah semula negeri Sabah, sudah pasti tawaran yang terbaik akan diberikan untuk rakyat dan negeri Sabah.

KOLUMNIS

Utara

**KENAPA COVID-19
JADI MERBAHAYA
DAN PANDEMIK?**

oleh:
Dr. Novandri Hassan Basri
m/s 44

**PENDANG &
SUNGAI TIANG
DI HATIKU,
AYUH BANGKIT
LAWAN COVID-19**

oleh:
YB Datuk Suraya Yaacob
m/s 48

Tengah
**NEO VUCA:
KRISIS COVID-19 &
KEPIMPINAN UMNO**

oleh:
Mohamad Fakhzan Md Noor
m/s 53

**UMNO DAN
PENGURUSAN
KRISIS**

oleh:
YB Tuan Rizam Ismail
m/s 59

Selatan
**BETULKAN
YANG BIASA,
BIASAKAN
YANG BETUL**

oleh:
Mohd Fared Mohd Khalid
m/s 71

Pantai
Timur

“FIX YOU”

oleh:
Irfan Zamri
m/s 63

**COVID-19 vs TAHUN
MELAWAT MALAYSIA
(PAHANG) 2020**

oleh:
YB Datuk Seri Hj. Mohd
Sharkar Shamsudin
m/s 68

KENAPA COVID-19 JADI MERBAHAYA DAN PANDEMIK?



Oleh: Dr Novandri Hasan Basri

drnovandrihasan@yahoo.com

Menurut World Health Organization (WHO), koronavirus adalah kumpulan virus yang boleh menyebabkan penyakit pada haiwan atau manusia. Pada manusia, beberapa koronavirus diketahui menyebabkan simptom jangkitan pernafasan seperti selsema biasa hingga ke penyakit yang lebih teruk seperti Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS).

Pada 12 Januari 2020, WHO mengesahkan bahawa wabak yang berlaku di Wuhan, China ini adalah disebabkan oleh jangkitan koronavirus baharu (*novel coronavirus*). Novel coronavirus adalah strain baharu virus yang sebelum ini tidak pernah dikenalpasti atau dikesan pada manusia.

Pada 30 Januari 2020, WHO mengumumkan wabak novel coronavirus itu sebagai *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC). Selain daripada negara China, ketika itu sudah terdapat kes di 18 negara dan transmisi manusia ke manusia di tiga negara di luar China. Pada masa itu, WHO sudah menasihatkan semua negara supaya mulai membendung novel coronavirus itu, termasuk pengesanan awal, isolasi, pengurusan kes dan pencegahan penularan. Setiap negara harus memberi penekanan khusus untuk mengurangkan jangkitan manusia, pencegahan transmisi manusia ke manusia dan penyebaran ke negara-negara lain.

Pada 12 Februari 2020, Dr Takeshi Kasai, Pengarah WHO bagi Rantau Asia Pasifik Barat, termasuk Malaysia pula telah memberi amaran bahawa wabak ini berada "di persimpangan yang kritikal" kerana sudah ada kes positif virus yang

tiada kaitan dengan negara China dan wabak ini boleh menular dengan lebih luas. Beliau juga telah menyarankan langkah-langkah pencegahan seperti penjarakan sosial, basuh tangan dan menangguhkan perhimpunan orang ramai, jika perlu, untuk mengurangkan peluang penyebaran virus itu. Jika ketua negara dan ketua kesihatan negara itu ambil serius dan akur dengan saranan WHO pada 30 Januari 2020 dan Dr Takeshi Kasai pada 12 Februari 2020, mereka akan segera mengenakan langkah-langkah pencegahan yang paling asas seperti penjarakan sosial, kebersihan diri dan mensasarkan negara yang perlu dijauhi.

Malangnya, ada kerajaan negara yang gagal mengikuti saranan awal WHO ini. Mereka menganggap wabak novel coronavirus itu adalah perkara kecil, terkawal dan tidak akan menyusahkan negara mereka. Maka berlaku penularan wabak itu disebabkan oleh transmisi manusia ke manusia atau ketika perhimpunan yang melibatkan ramai orang. Dan apabila rakyat terpaksa menanggung risikonya, ketua negara, ketua kesihatan negara dan kerajaan negara itu mesti bertanggungjawab dan dipersalahkan sepenuhnya.

Pada 11 Februari 2020, WHO dengan rasminya telah memberi nama virus itu iaitu COVID-19. "CO" adalah singkatan kepada "Corona", "VI" adalah "Virus", "D" ialah "Disease" dan "19" ialah tahun 2019. Pada awalnya, WHO memberikan nama sementara iaitu "2019-nCoV acute respiratory disease". Pada 11 Mac 2020, Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus telah mengumumkan wabak COVID-19 sebagai pandemik. Justifikasi yang beliau berikan ialah dalam tempoh 2 minggu (sebelum COVID-19 diisyiharkan pandemik), jumlah kes COVID-19 di luar China telah meningkat 13 kali ganda, dan jumlah negara yang terjejas telah meningkat tiga kali ganda. WHO juga telah memberi amaran bahawa pada hari-hari dan minggu yang seterusnya, WHO menjangkakan bilangan kes, bilangan kematian dan bilangan negara yang terjejas akan melonjak lebih tinggi. Ketika itu, terdapat lebih daripada 118,000 kes di 114 negara dan 4,291 kematian.

"Kami (WHO) sangat prihatin terhadap tahap penyebaran dan keterukan yang membimbangkan dan tahap ketidaksiapsiagaan yang membimbangkan", kata Ketua Pengarah WHO.

Benar seperti dijangka dan ketika anda baca artikel ini, kes COVID-19 di seluruh dunia semakin meningkat (mungkin melebihi 1.5 juta kes) dan jumlah kematian yang bertambah (mungkin melebihi 60,000 orang). Penyumbang kepada peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh sikap kerajaan negara yang masih tidak serius dan tidak pro-aktif untuk membendung penularan wabak COVID-19. Bukti, kes COVID-19 di Amerika Syarikat telah melebihi China. Begitu juga negara-negara maju Itali, Germany dan Sepanyol. Jumlah kematian di Itali dan Sepanyol pula lebih tinggi dari pada China.

Kerana itulah setiap penduduk dunia dan negara Malaysia wajib mengamalkan langkah-langkah asas pencegahan seperti kebersihan diri, penjarakan sosial dan mengawal pergerakan harian untuk memerangi COVID-19. Dengan cara ini, virus tidak ditularkan kepada masyarakat umum, graf dapat diratakan, kes berkurangan hingga tiada lagi kes baharu.

"Untuk flatten the curve (ratakan graf) kita wujudkan perintah yang telah kita keluarkan, iaitu perintah kawalan pergerakan dan perlu pematuhan daripada masyarakat. Kita terpaksa ambil tindakan tegas melalui akta sedia ada." kata Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri Kesihatan Malaysia.

Vaksin untuk COVID-19 pula dijangka akan siap lama lagi (sekitar 12 - 18 bulan lagi). Chloroquine, kombinasi Lopinavir/Ritonavir dan Hydroxychloroquine adalah di antara ubat-ubatan yang digunakan. WHO pula memilih Malaysia bagi menjalankan kajian menguji keberkesanan ubat merawat pesakit COVID-19 dikenali sebagai Remdesivir. Kita harapkan segala langkah-langkah pencegahan dan ubat-ubatan ini akan memberi kesan yang positif. Sama-sama kita berdoa meminta perlindungan serta mendapat pertolongan daripada Allah SWT.

KOLUMNIS

Bulan Ramadan akan kita lalui dengan harapan kes covid-19 di negara ini akan berkurangan dan lebih ramai yang sembuh.

Kolumnis adalah mantan Pengurus Biro Media Sosial Negeri Pulau Pinang dan seorang pengamal perubatan dan penulis bebas prominen.



PENDANG & SUNGAI TIANG DI HATIKU, AYUH BANGKIT LAWAN COVID-19

Oleh: YB DATUK SURAYA YAACOB

ADUN Kawasan Sungai Tiang | Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO Malaysia | Ketua Penerangan UMNO Kedah | Ketua UMNO Bahagian Pendang

Sebagai Adun Kawasan Sungai Tiang dan Ketua UMNO Bahagian Pendang sudah pasti saya mengikuti rapat perkembangan krisis Covid-19. Sehingga catatan ini dibuat, terdapat 1 kes positif dari kluster perhimpunan tabligh Sri Petaling. Kemudian ia jangkit sentuhan kepada isteri dan anak menjadikan ia sebagai kes generasi kedua. Dari 3 kes ini seorang telah sembuh dan discaj dan kita jangkakan yang dua lagi akan sembuh tidak lama lagi, inshaAllah!

Pematuhan masyarakat Dun Sungai Tiang dan Daerah Pendang secara keseluruhannya sangat memuaskan di mana majoritinya ramai yang patuh pada arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta mengikut nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak berkuasa. Namun pada awal dahulu ramai yang kurang faham dan sangsi dengan arahan-arahan yang dikeluarkan maka terdapat mereka yang dinasihati oleh pihak berkuasa.

Tambahan di kawasan Pendang yang rata-rata merupakan penduduk luar bandar dan punca pendapatan mereka adalah secara kerja sendiri jadi ramai yang perlu keluar untuk mencari nafkah. Kita harap semua warga Pendang 100 peratus mengikut arahan PKP sehingga 14 April ini kerana tempoh ini amat kritikal dan bakal menentukan keberkesanannya PKP. Kita hendak pastikan Pendang diputuskan dari rangkaian jangkitan dan bebas Covid-19 sepenuhnya, 100 peratus.

Jujur. Pelaksanaan pencegahan Covid-19 sudah tentu memberi kesan kepada aktiviti harian semua wakil rakyat di

Kedah termasuk saya, keluarga dan rakyat secara keseluruhan. Namun kita perlu fahami betul-betul tentang bahaya wabak Covid-19 yang hingga kini masih tiada vaksin penawarnya. Covid-19 menular tidak mengira siapa, umur, bangsa atau kaum, kaya atau miskin, berpangkat atau rakyat biasa. Kita perlu fahami kenapa PKP dilaksana dan apa matlamat utama PKP.

Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Kedah baru saja umumkan peruntukan RM30 ribu untuk semua Adun-adun Pembangkang untuk membantu rakyat yang terjejas di kawasan masing-masing. Walaupun jumlah itu tidak seberapa berbanding peruntukan yang diberi kepada Adun-adun parti kerajaan, namun saya akan cuba berikan bantuan kepada semua warga Sungai Tiang yang terjejas akibat Covid-19 ini. Tidak dinafikan, peruntukan dari kerajaan negeri agak lewat. Meskipun begitu, sejak tempoh PKP, saya berusaha dalam pelbagai cara untuk membantu meringankan beban mereka yang kesempitan.

Dari sudut kerjasama dengan kerajaan negeri, kami Adun-adun pembangkang tidaklah diberi keutamaan untuk aktif bersama kerajaan negeri. Rata-rata kami cuma aktif di Dun masing-masing sahaja berbanding Adun-adun kerajaan yang dipercayai mendapat pelbagai keistimewaan.

Apapun, sejak PKP dilaksanakan, alhamdulillah, Dun Sungai Tiang dan Pendang bersama wakil rakyat Pas (DUN dan parlimen) merupakan antara yang terawal tampil menghulurkan bantuan kepada rakyat. Sama ada barang keperluan harian, makanan ruji dan sayur-sayuran, topeng muka, hand sanitizer dan sebagainya, telah kami hulurkan kepada mereka yang memerlukan. Walaupun tidak seberapa, kami tetap cuba membantu sedaya mampu.

Sebenarnya, inilah kelebihan UMNO baik di Pendang, Kedah atau seluruh negara. Semua UMNO Bahagian di seluruh negeri Kedah amat aktif turun padang menghulurkan bantuan kepada rakyat. Tidak kira parti sama ada rakyat itu menyokong UMNO, PAS mahupun Pakatan Harapan (PH), kami tetap bantu tanpa mengira fahaman parti. Itu memang tradisi kami UMNO Kedah. Sama ada PKP,

Covid-19 atau tidak, memang itu yang kami lakukan selama ini. Kami UMNO Kedah tidak tunggu musim pilihan raya untuk membantu rakyat. Khidmat kami untuk rakyat tidak bermusim.

Secara peribadi saya bersyukur, walaupun wujud kebimbangan untuk Malaysia mengikut jejak langkah apa yang berlaku di Itali, namun sehingga kini statistik berkaitan Covid-19 di Malaysia tidak sama dan menyimpang jauh dari statistik Itali. Sedikit sebanyak, keadaan itu agak melegakan hati kita semua. Namun kita tidak boleh alpa dan ambil mudah. Ini adalah soal wabak penyakit, virus yang tidak memilih siapa pun juga untuk dijangkiti. Kita tetap perlu berhati-hati dan patuh kepada arahan pihak berkuasa khususnya KKM dalam usaha mengekang wabak ini dari terus menukar, sekaligus membebaskan bumi Malaysia 100 peratus dari Covid-19.

Kita berpandangan bahawa pihak berkuasa dan kerajaan mempunyai perancangan dan mekanisme pelaksanaan yang lebih lengkap untuk mengekang penularan Covid-19 ini. Kerajaan memiliki pakar-pakar dalam bidang perubatan, keselamatan, saintis dan pakar pengurusan krisis yang hebat-hebat belaka. Kerajaan kini lebih bijak dan tegas menangani penularan Covid-19 berbanding "Kerajaan 22 bulan". Melalui pelaksanaan PKP, kita dapat melihat kejayaan awal pengekangan Covid-19 dari terus merebak seperti di Itali. Kerajaan kini lebih pantas bertindak dan melaksanakan dasar demi keselamatan rakyat. Namun apa pun, rakyat perlu memberikan kerjasama untuk patuh kepada arahan kerajaan. Terpulanglah kepada rakyat. Namun, saya berpandangan bahawa, kerajaan sudah dan sedang melaksanakan tanggungjawabnya sebaik mungkin untuk menangani Covid-19 ini termasuk dengan melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) yang memanfaatkan rakyat di semua peringkat, khususnya B40 dan M40. Ia merupakan satu tindakan dasar yang baik, namun memerlukan kaedah pelaksanaan yang lebih berkesan bagi memastikan tiada yang tercicir daripada menerima bantuan, serta mencapai matlamat dasar pakej tersebut.

Pelaksanaan PRE itulah yang mencabar untuk dilaksanakan. Contohnya, laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) difahamkan terlalu sesak sehingga ramai yang mengeluh tidak dapat menyemak status bantuan Prihatin itu, apatah lagi mereka yang perlu memohon ekoran data mereka tidak terdapat di dalam sistem. Jadi, inilah cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak kerajaan selain pencegahan wabak Covid-19. Mekanisme pelaksanaan PRE ini perlu lebih berkesan, memudahkan rakyat dan menepati matlamat yang ditetapkan kerajaan.

Kesan wabak Covid-19 ini sudah tentu tidak terhenti di Malaysia walaupun negara ini diisyiharkan bebas dari virus maut tersebut. Pakar-pakar ekonomi dunia dan tempatan sudah pun meramal kesan-kesan yang bakal dihadapi kita semua, sama ada makro atau mikro. Paras kemiskinan pasti akan meningkat. Mungkin banyak usahawan yang akan terjejas teruk, mungkin ada yang terpaksa "tutup kedai". manakala rakyat pula mungkin ramai yang hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Keadaan ini akan benar-benar memberi cabaran hebat kepada pihak kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara dan ekonomi rakyat. Ekonomi perlu distabilkan dan diperkujuh, kemudian barulah ditingkatkan dari masa ke masa. Fasa-fasa itu sudah tentu mengambil masa.

Justeru, kerajaan perlu benar-benar bersedia untuk menghadapi cabaran ini dengan pelan-pelan strategik yang lebih menyeluruh dan holistik. Kita memerlukan pemimpin yang bijak, berilmu dan berpengalaman mengurus dan bangkitkan kembali graf ekonomi negara. Pemimpin berkenaan juga perlu memahami selok belok pentadbiran ekonomi negara dan mampu mengemukakan cadangan-cadangan yang tepat untuk diterima pakai oleh pihak Kerajaan dalam menangani krisis Covid-19, termasuk menambahbaik PRE baru-baru ini. Kita percaya menteri-menteri yang dilantik terutama menteri-menteri yang dilantik dari UMNO akan dapat membawa Malaysia dan rakyat menghadapi cabaran ekonomi selepas ini. Kerajaan perlu kreatif dan progresif menggunakan pelbagai cara

yang berkesan bagi membantu pelbagai lapisan masyarakat. Kita memerlukan idea dan cadangan dari ramai pihak termasuk mantan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Seri Najib Tun Razak seorang pemimpin yang terbukti berkebolehan menguruskan ekonomi negara.

Mungkin pihak kerajaan boleh mempertimbang untuk mendapatkan khidmat bakti beliau untuk memulihkan kembali ekonomi negara dan rakyat di Malaysia.

Akhir kalam, suka untuk berpesan buat seluruh rakyat Kedah khususnya warga di Sungai Tiang dan Pendang yang bagaikan keluarga besar saya sendiri, "duduk di rumah", duduklah dengan aman sejahtera bersama keluarga di rumah masing-masing. Ambillah kesempatan di sebalik hikmah Covid-19 ini dengan solat berjemaah bersama keluarga, memasak bersama, makan bersama, sembang santai bersama, eratkan lagi hubungan kekeluargaan kita. Hargailah masa-masa emas ini bersama dengan aktiviti-aktiviti berfaedah. Inilah masanya kita menghargai nikmat kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan keluarga kita. Jangan sesekali mendedahkan keluarga kepada risiko wabak Covid-19, kita hindarkan malapetaka itu dari keluarga kita sejauh mungkin. Usah gundah, usah bersedih, Allah akan sentiasa bersama kita, inshaAllah!

NEO VUCA: KRISIS COVID-19 & KEPIMPINAN UMNO



Oleh: Mohamad Fakhzan Md Noor

mohamadfakhzan@gmail.com

Pandemik Covid-19 telah disahkan merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020. Sehingga Selasa 31 Mac 2020, terdapat 2,766 kes disahkan. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa dari 18 hingga 31 Mac 2020 awalnya dan kemudian dilanjutkan sehingga 14 April 2020. PKP dilaksanakan berdasarkan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Menyusuri sejarah moden Malaysia pasca 1957, krisis pendemik pada skala global sebegini tidak pernah berlaku dan dianggap suatu yang “unprecedented”. Krisis Covid-19 ini memberi impak kepada seluruh negara. Segala aktiviti politik-pentadbiran, ekonomi dan kegiatan sosial rakyat terjejas - seakan terhenti. Memandangkan krisis ini belum pernah dihadapi maka ia memerlukan pendekatan dan pemikiran baru dalam menanganinya. Dalam konteks UMNO, antara keutamaan adalah kemaslahatan rakyat yang terkesan dengan krisis ini. Pemikiran baru diperlukan oleh pemimpin tertinggi dan juga akar umbi untuk memahami krisis dan menangani jangkaan (expectation) rakyat.

Realitinya, ini adalah sebahagian daripada proses untuk menghadapi cabaran hari ini dan masa hadapan yang tidak terjangka dan mencabar. Pemimpin UMNO perlu faham, mempersiapkan diri, mengadaptasi gaya kepimpinan dengan kehendak, keperluan dan keadaan semasa supaya dapat memahami pola baharu dunia masakini, dengan mencari penyelesaian dan memberikan khidmat sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat.

Z
O
N
T
E
N
G
A
H

Hakikat harus diterima bahawa kita berada pada zaman Vuca. Vuca dijelaskan oleh Jeneral George W. Casey, Jr. yang telah bersara daripada tentera Amerika dan kemudiannya menjadi pensyarah kanan di *Samuel Curtis Johnson Graduate School of Management Cornell University* di mana dalam kertas kajian beliau bertajuk “*Leading in a VUCA World*” menyebut bahawa Vuca asalnya merupakan kurikulum di sekolah ketenteraan dan kini ia menjadi antara subjek dalam pengajaran kurikulum kepimpinan dan penguatan perniagaan. Beliau menjelaskan bahawa Vuca adalah akronim untuk “*volatility*”, “*uncertainty*”, “*complexity*” dan “*ambiguity*”.

“*Volatility*” adalah peningkatan kemeruapan yang sangat drastik terhadap perubahan empat dimensi iaitu jenis, kelajuan, isi padu dan skala. “*Uncertainty*” mencengkam ketidakpastian hasil kemeruapan pantas yang menyebabkan begitu sukar untuk menjangka perkara berikutnya. “*Complexity*” hadir bersama kerumitan impak ketiadaan perhubungan jelas antara punca dan akibat. Akhirnya, hadir “*ambiguity*” membawa bersama kesamaran terhadap ketepatan yang mewujudkan kepelbagaian berganda maksud terhadap persekitaran.

Dalam sebuah buku berjudul “*The Age of the Unthinkable*”, penulisnya Joshua Ramo menggambarkan bagaimana ahli fizik teori Denmark, Per Bak, membangun teori mengenai butiran pasir yang menggelungsur turun dalam jam pasir (*hourglass*). Ketika pasir itu menggelungsur turun, ia secara teratur membentuk kon (bahagian bawah) yang dari luar kelihatan cukup stabil, tetapi pada hakikatnya struktur longgokan pasir berbentuk kon tersebut sangat tidak stabil. Setiap butir pasir dihubungkan dengan tekanan dan ketegangan yang tidak kelihatan, maka dinamik dalaman pasir pasir tidak diketahui dan tidak dapat dijangka sepenuhnya. Tidak akan diketahui dan dijangka butiran pasir yang manakah yang akan menyebabkan longgokan pasir berbentuk kon itu runtuh. Kestabilan, katanya, adalah fasa

butiran pasir menggelungsur turun; manakala ketidakstabilan adalah apabila ia malar tidak bergerak.

Ramo percaya ketumpukan pasir mewakili dunia kita - semakin berbutir (lebih banyak pemain memasuki setiap hari) dan semakin saling bergantung (lebih banyak sambungan yang tidak diketahui di antara mereka).

Fikirkanlah: Pada tahun 2001 terdapat 500 juta orang dalam talian. Kini bilangannya adalah 3.5 bilion (40 peratus daripada populasi dunia) dan semakin meningkat. Mereka menghantar 200 bilion e-mel setiap hari. Terdapat lebih dari pada 7 bilion pelanggan telefon bimbit hari ini - lebih banyak daripada penduduk dunia. Mereka menggunakan peranti tersebut untuk berhubung dengan cara yang tidak dapat dibayangkan sedekad yang lalu. Facebook mempunyai lebih daripada 1.8 bilion pengguna; 75 peratus daripada mereka berada di luar Amerika Syarikat. Twitter mempunyai lebih 650 juta pengguna, 75 peratus daripada mereka di luar Amerika Syarikat. Maklumat hari ini tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, mengikat kita semua bersama-sama.

Jelasnya, kita kini hidup di dunia yang bersambung (*connected*) tetapi tidak stabil di mana - kestabilan adalah fasa yang kita lalui sekarang, ketidakstabilan adalah normal, dan kerumitan makin terkumpul. Analoginya: dunia kita, seperti ketumpukan pasir, tidak menentu (*volatile*) - perkara berubah, berubah dengan cepat, dan disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar kawalan kita. Tidak pasti (*uncertain*) - untuk yakin terhadap jangkaan masa depan adalah lebih mencabar. Ia adalah kompleks (*complex*) - kita tidak dapat mengetahui interaksi pelbagai pembolehubah yang perlu kita pertimbangkan, apalagi bagaimana mengintegrasikannya dengan berkesan. Tidak jelas (*ambiguous*) - data yang sama boleh menghasilkan tafsiran pelbagai dan kadangkala bertentangan.

Persiapan Personaliti Pemimpin Menghadapi Zaman Vuca

Pertama, “Visi” - Fungsi utama mana-mana pemimpin adalah untuk menetapkan halatuju. Ini memerlukan visi -

keupayaan untuk melihat dan menjangka sesuatu yang penting tentang masa hadapan yang tidak mudah dilihat oleh orang lain. Persekutaran Vuca hari ini adalah sukar kepada para pemimpin. Ia semakin tidak menentu dan persekitaran yang makin samar-samar, sukar juga kepada para pemimpin sendiri untuk menghadapi situasi ini, apalagi menerangkannya dengan jelas kepada rakyat. Dalam persekitaran Vuca, adalah penting untuk pemimpin memberikan visi yang jelas untuk memacu organisasi atau parti serta berkebolehan melihat peluang di mana orang lain hanya melihat cabaran atau masalah semata-mata.

Kedua, “Keberanian” - Memikirkan dan menyebarkan pandangan yang jelas tentang masa depan dalam persekitaran yang semakin kompleks sekarang memerlukan kerja keras, tetapi yang paling penting ia menuntut pemimpin membuat penilaian tentang masa depan. Keputusan atau jangkaan masa hadapan mungkin salah, dan mungkin ada impaknya. Ia bakal menjemput keraguan dan persepsi negatif rakyat. Pemimpin yang berjaya memadam keraguan dan berani bertindak akan mempersiapkan dan bakal memacu organisasi untuk kejayaan di masa hadapan.

Ketiga, “Watak” - Pemimpin dengan nilai dan jatidiri yang kuat bakal membina organisasi yang kuat. Nilai-nilai itu membentuk teras watak pemimpin. Watak adalah antara elemen yang penting dalam membentuk personaliti pemimpin. Rakyat memberi kepercayaan kepada pemimpin yang berkarisma kerana mereka tahu pemimpin tersebut akan melakukan perkara yang betul untuk organisasi dan tidak mementingkan diri apabila keadaan menjadi. Amanah menjadi teras yang mengikat kepercayaan rakyat terhadap pemimpin.

Fokus Utama

Jeneral George W. Casey, Jr. selanjutnya menjelaskan berkenaan fokus utama dalam mempersiapkan pemimpin untuk zaman Vuca. Beliau merujuk kepada “Great by Choice: Uncertainty, Chaos, and Luck — Why Some Thrive

"Despite Them All" oleh Jim Collins, di mana 20,400 syarikat di analisa berdasarkan premis: "Kenapa ada syarikat berkembang maju manakala yang lain masih tercari-cari formula kejayaan atau gagal?"

Daripada 20,400 syarikat yang mereka kaji, terdapat tujuh yang mendahului industri mereka sebanyak 10 kali ganda dalam tempoh 10 hingga 15 tahun (Amgen, Microsoft, Stryker, Intel, Southwest, Biomet, Progressive). Kumpulan syarikat terbaik ini digelar sebagai syarikat "10X". Didapati bahawa para pemimpin 10X menerima apa yang disebut sebagai paradoks "kawalan tanpa kawalan" (paradoks Vuca). Para pemimpin 10X menerima hakikat bahawa persekitaran mereka akan menjadi Vuca, tetapi mereka enggan menerima hakikat bahawa faktor luaran akan menentukan keputusan mereka. Mereka tidak bersusah payah untuk meramal masa depan - mereka menciptanya!

Jadi apa yang pemimpin perlu lakukan untuk berjaya memimpin organisasi mereka di dunia Vuca hari ini? Apa yang diperlukan untuk berjaya di mana orang lain tidak?

Secara tuntasnya, antara fokus utama dalam membangukan pemimpin yang bersedia untuk zaman VUCA adalah yang punya upaya untuk:

- i. Membangun dan menyampaikan visi dan strategi;
- ii. Membina pasukan berprestasi tinggi;
- iii. Menetapkan keadaan dalaman dan luaran untuk berjaya;
- iv. Bersedia untuk masa depan;
- v. Meningkat upaya kemampuan diri.

Kesimpulannya, dalam buku "Thank You for Being Late" oleh Thomas L. Friedman yang menulis beberapa buku menyorot proses globalisasi sejak akhir dekad 90an, dalam bab awalnya, menyatakan antara lain bahawa dunia berkembang begitu pesat sehingga kita tertinggal, termangu-mangu dan tidak jelas apa yang berlaku sekarang. Semuanya berlaku begitu pantas. Teknologi, pasaran dan iklim dunia berubah begitu pesat. IR 4.0, "disruptive technol

ogies”, fintech, “gig economy” dan pelbagai lagi datang mengasak hingga kita merasa keliru dan ketinggalan.

Dalam usaha untuk memahami dunia hari ini, kita perlu menerima hakikat kita berada dalam zaman Vuca - ia satu zaman yang tidak terjangka dan penuh kejutan. Dalam keadaan teknologi berkembang pantas, virus juga termutasi dengan pesat menghasilkan virus baru. Kesan globalisasi menjadikan kita menjadi pengembara global-virus yang berasal dari Wuhan, China bertebaran di muka bumi dalam tempuh 3-4 bulan sahaja!

Perlu juga bersyukur juga dengan kepesatan teknologi dan sains perubatan: masa untuk membangunkan vaksin dapat dipendekkan dan kos untuk membangunkan vaksin juga dapat dikurangkan.

Natijahnya kita sebagai orang UMNO perlu mengadaptasi dengan apa yang berlaku serta peka dengan perubahan yang mengambil tempat. Ini adalah sebahagian daripada zaman Vuca - keadaan mengejutkan dan diluar jangka. Tiada apa yang perlu digusarkan, persiapkan diri kerana keputusan ditangan kitalah untuk merangka dan membentuk masa depan.

Z
O
N
T
E
N
G
A
H

Kolumnis adalah Naib Ketua UMNO Bahagian Damansara dan seorang pengacara undang-undang dalam firma Fakhzan Azlina & Associates.

UMNO DAN PENGURUSAN KRISIS



Oleh: YB RIZAM ISMAIL

Ketua Pembangkang Dewan Negeri Selangor | ADUN Kawasan Sungai Air Tawar
Ketua Pemuda UMNO Negeri Selangor | Ketua Pemuda UMNO Bahagian Sabak Bernam

Malaysia sedang bergelut dengan pandemik Koronavirus 2019 (COVID-19) yang sebelum ini dikenali sebagai novel koronavirus 2019 (2019-nCoV) di negara China. Kerajaan Malaysia telah mengikuti prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan mendapat nasihat pakar-pakar untuk menghadapi dan membendung jangkitan ini dari merebak dengan meluas. Pemantauan telah dibuat dari semasa ke semasa. Pelbagai pihak sedang melakukan usaha yang terbaik untuk mencegah sebarang penularan.

Menyusuri sejarah dan dalam konteks UMNO, sejak 72 tahun lalu, kepimpinan UMNO sememangnya sudah teruji dan terbukti dalam menangani krisis. UMNO sebagai tonggak kerajaan Perikatan dan BN sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dan negara. Krisis adalah untuk ditangani dan diselesaikan bukan menjadi medan berpolitik yang tak sudah-sudah.

Berikut adalah sisipan sejarah yang merekodkan prestasi UMNO dalam menangani krisis:

1948-1960 : UMNO menjadi tunggak Kerajaan Perikatan yang berhadapan dengan Darurat Tanah Melayu dari tahun 1948 sehingga tahun 1960. Darurat ini mengakibatkan sebahagian hak asasi dihadkan, pemberian kuasa istimewa kepada pihak polis, dan langkah-langkah lain yang bertujuan untuk menyekat kegiatan politik berhaluan kiri, terutamanya yang membabitkan Parti Komunis Malaya (PKM).

Z
O
N
T
E
N
G
A
H

UMNO ditubuhkan dua tahun sebelum pengisytiharan darurat dan dalam tempoh itu berjaya mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957, memegang tumpuk pemerintahan dan berjaya menangani era darurat yang tamat pada 1960.

1957 : Pada tahun kita bakal menyambut Kemerdekaan Tanah Melayu, wabak selsema itik H2N2 sedang tersebar di seluruh Asia. Wabak ini dikenali sebagai Asian Flu di Barat, dan di sini lebih dikenali sebagai “selsema itik”. Wabak ini bermula di provinsi Guizhou, China pada sekitar tahun baru Cina pada ketika itu. Wabak ini merebak di Singapura menjelang Julai dan ini membimbangkan Tunku Abdul Rahman, kerana tarikh 31 Ogos 1957 semakin hampir dan wabak ini tiba. Akibat kebimbangan itu, British bertindak mengetatkan sempadan Singapura dan Tanah Melayu. Disebabkan kawalan itu, anggota tentera yang menjaga sempadan yang paling teruk terjejas dengan virus ini. Tentera dan polis kita paling berisiko tinggi dengan virus selsema itik ini, sehingga ada yang terkorban sebelum dapat melihat negara kita merdeka.

1963 : Konfrontasi Indonesia-Malaysia berpunca daripada tentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia pada bulan September 1963. Konfrontasi ini akhirnya tamat pada 1966 dengan kebijaksanaan diplomasi Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri dan Presiden UMNO ketika itu.

1969 : Insiden 13 Mei 1969 telah membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh DYMM YDP Agong pada 15 Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah dibentuk dan diterajui oleh Tun Abdul Razak. Berikutan itu, Parlimen juga digantung.

Sepanjang tempoh darurat, MAGERAN telah bertindak untuk mencari punca dan penyelesaian agar tragedi tersebut tidak berulang. Antara langkah yang diambil ialah merangka Rukun Negara bagi meningkatkan kefahaman rakyat

tentang perlembagaan negara. Turut dilakukan ialah melancarkan Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan satu aktiviti ekonomi dan membasmi kemiskinan tegar. Penubuhan Barisan Nasional pada 1974 yang bersifat sebagai sebuah kerajaan perpaduan membawa kemenangan besar pilihanraya umum pada tahun tersebut.

Krisis Mutakhir

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kita juga menghadapi krisis yang berjaya ditangani oleh Kerajaan Malaysia. Kita berjaya menghadapi krisis Lahad Datu 2013, krisis MH370 dan juga krisis MH17 kedua-dunia pada 2014.

Semasa krisis Lahad Datuk Seru Najib Razak selaku Perdana Menteri (PM) pada ketika itu, Datuk Seri Hishammuddin Hussein selaku Menteri Dalam Negeri (KDN) dan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi selaku Menteri Pertahanan ketika itu berjaya mengendalikan krisis dengan baik dan akhirnya keamanan dapat dipulihkan.

Malaysia menjadi tumpuan media antarabangsa pada 2014 semasa krisis MH 370. Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang merupakan Menteri Pertahanan dan pemangku Menteri Pengangkutan berjaya mengendalikan krisis dan juga media tempatan serta antarabangsa. Komunikasi strategik semasa krisis ini perlu dipuji, setiap hari sidang akhbar dan sesi soal jawab diadakan dengan teratur dan meyakinkan. Antara yang berada dalam Kabinet pada ketika itu adalah Datuk Seri Najib Razak (PM ketika itu), Tan Sri Muhyiddin Yassin (TPM ketika itu), Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (Menteri Pertahanan dan kemudiannya KDN ketika itu) dan Datuk Seri Hishammuddin Hussein (Menteri KDN dan Kemudiannya Menteri Pertahanan ketika itu).

Jelas daripada sejarah UMNO yang berpengalaman menjadi Kerajaan, dalam pengurusan krisis, fokus utama adalah menyelesaian krisis dan konflik sebaik mungkin demi faedah kepada semua. Tidak pernah dalam sejarah UMNO pengurusan krisis menjadi platform politik atau lebih buruk lagi mengamalkan sikap pilih kasih.

Politik Sempit Kerajaan Negeri Selangor

Sekitar Mac 2020, Menteri Besar dan MMKN Selangor telah memutuskan bantuan RM30 ribu sedia ada disalurkan secara terus ke dalam akaun Pusat Khidmat Masyarakat kecuali 9 ADUN Pembangkang di Selangor.

Di saat negara kita berusaha keras menangani wabak penyakit Covid-19 ini, Kerajaan Negeri Selangor masih bermain politik sempit yang tidak merentasi aspirasi rakyat untuk membantu sedaya upaya tanpa mengira fahaman politik. Perkara ini jelas menunjukkan sikap tidak adil menteri besar memandangkan sebelum ini dalam ucapan pakej ransangan ekonomi Selangor telah menyatakan sejumlah RM30 ribu akan diberi kepada seluruh 56 kawasan DUN melaksanakan aktiviti pengedaran topeng muka, makanan dan minuman untuk manfaat penduduk setempat.

Adalah menjadi hasrat rakyat negeri Selangor untuk menerima bantuan daripada kerajaan negeri melalui setiap adun kawasan yang lebih sinonim dan lebih dekat di hati rakyat setempat. Adalah tidak molek untuk mempolitikkan bantuan ketika negara sedang berusaha untuk membendung wabak pandemik Covid-19.

Kesimpulan

Lebih dua alaf yang lalu, Kautilya, seorang negarawan benua India, menulis sebuah buku panduan pemerintahan dan pengurusan ekonomi yang bernama Artha-Shastra. Menurut beliau tanggungjawab raja atau perintah ialah:

"Menjadikan kebahagian rakyat sebagai kebahagian pemerintah, kebajikan rakyat sebagai kebajikan pemerintah; apa yang menggembirakan pemerintah bukan kegembiraan sebenar, melainkan apa yang menggembirakan rakyat itu sendiri."

Akhir kalam, dalam keadaan negara dan dunia berhadapan dengan perang, ini bukanlah masanya untuk berpolitik tak sudah-sudah, kebajikan rakyat dan kemakmuran negara adalah keutamaan.

“FIX YOU”



Z
O
N
P
A
N
T
A
I
T
I
M
U
R

Oleh: Irfan Zamri

irfanzamri.parlimenbelia@gmail.com

*When you try your best, but you don't succeed
When you get what you want, but not what
you need
When you feel so tired, but you can't sleep
Stuck in reverse*

*When you lose something you can't replace
When you love someone, but it goes to waste
Could it be worse?
Lights will guide you home
And ignite your bones
And I will try to fix you*

Pasti ramai peminat kumpulan Coldplay yang gilakan lagu berjudul Fix You. Lagu yang ditulis sendiri oleh Chris Martin pada tahun 2005 disaat kematian ayah Gwyneth Paltrow yang merupakan kekasihnya ketika itu. Lebih hebat lagi apabila Chris Martin meletakkan dirinya sendiri dalam lagu tersebut untuk menasihati Gwyneth yang sedih ketika itu.

Sekiranya diamati bait-bait lagu ini dengan lebih teliti, ianya bukan sekadar untuk menasihati kekasih tetapi membawa mesej yang lebih mendalam. Lagu yang berjudul “Fix You” mampu untuk memberi suntikan semangat kepada mereka yang sedang sedih dan berada dalam fasa kejatuhan hidup.

Lagu ini membawa peringatan kepada kita bahawa disaat kita jatuh pasti ada insan yang akan hadir untuk menyambut dan melonjak kita ke atas. Dalam konteks yang lebih dekat, mereka itu adalah keluarga dan sahabat handai kita sendiri. Mereka akan selalu mengingatkan diri kita (*and ignite your bone*) dan berusaha untuk membaiki diri kita (*and I will try to fix you*).

Dalam situasi mencabar seperti itu, sudah pasti perkara pertama yang kita harus lakukan adalah mengubah diri sendiri terlebih dahulu sebelum orang lain mengubah diri kita. Sudah pasti perubahan itu harus bermula dari hati nurani yang bersih. Penceritaan lagu ini sangat sinonim dengan krisis yang melanda negara kita ketika ini. Satu situasi yang memerlukan rakyat Malaysia untuk membaiki sikap mereka supaya negara kita dapat memenangi peperangan melawan virus penyakit yang dipanggil Coronavirus atau Covid-19.

Covid-19 merupakan satu wabak pandemik yang menyerang seluruh dunia. Disaat artikel ini ditulis, jumlah pesakit yang disahkan positif telah mencecah 591,802 orang di 176 buah negara yang mengakibatkan 26,996 (4.56%) kematian. Pastinya jumlah ini akan terus meningkat dari masa ke semasa.

Pada 18 Mac 2020, Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) setelah jumlah kes positif ketika itu mencecah 673. Sehingga 28 Mac 2020, jumlah pesakit positif Covid-19 di Malaysia sudah mencecah 2,161 yang telah meragut 26 nyawa rakyat kita. Dalam masa 10 hari, wabak ini membiak dengan cukup pantas walaupun perintah kawalan pergerakan telah diperketatkan. Ini telah menyebabkan kegusaran dan ketakutan kepada rakyat sehingga mereka tidak mampu untuk berfikir secara rasional. Lebih menyedihkan ada segelintir masyarakat yang mengambil sikap acuh tak acuh terhadap perkara ini.

Di Malaysia, sebaik sahaja Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dimansuhkan, ramai yang berpusu-pusu untuk menjadi juara berita sensasi. Rakyat Malaysia gemar akan berita sensasi seperti ini. Ini telah menimbulkan banyak kekeliruan dan

kekacauan dalam negara. Apatah lagi penyebaran berita palsu yang semakin meluas di media sosial telah mewujudkan “panic attack” kepada warga net serta rakyat Malaysia secara keseluruhan. Akhirnya mereka yang terpedaya dengan faktor viral ini terus membuat keputusan sendiri untuk berpusu-pusu pulang ke kampung dan membanjiri pasaraya. Lihat sahaja ruangan komen di media sosial, rata-rata lebih bersetuju dengan berita palsu dari menunggu kenyataan rasmi dari pihak kerajaan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah menegaskan bahawa pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan mengambil tindakan tegas terhadap individu yang menyebarkan berita tidak sahih sehingga menimbulkan kekeliruan kepada orang awam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Sejumlah 42 kes sedang disiasat dengan 13 kertas siasatan telah dibuka, dan enam daripadanya telah mendapat arahan tuduh di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan. Beliau turut mendedahkan contoh berita palsu yang disebarluaskan umpamanya, dakwaan Kementerian Pertahanan akan meminta bantuan veteran menguat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Adakah undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengekang penyebaran berita palsu ini? Undang-undang yang sedia ada sudah cukup untuk mengekang permasalahan ini, tetapi apa gunanya undang-undang diwujudkan sekiranya kesedaran di dalam diri rakyat itu masih lemah. Bahkan, ada yang sanggup menggunakan peluang ini untuk mencari kesalahan dan melemahkan pentadbiran kerajaan. Suasana seperti ini sebenarnya yang melemahkan negara kita sendiri.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menjadi perantara rakyat dan kerajaan di dalam tempoh perintah kawalan ini dilaksanakan. Oleh itu, rakyat seharusnya menerima dengan tenang berita yang bakal disampaikan oleh pihak MKN supaya tidak semudah itu menerima berita palsu sehinggakan membawa impak signifikan yang membawa kekecohan di dalam negara. Melihat kepada kualiti rakyat

Malaysia, rata-rata masih lagi memandang enteng terhadap arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan berada di dalam keadaan yang menyediakan dan sukar dikawal. Mereka masih lagi keluar untuk bekerja seperti biasa dan lebih menyediakan ada yang sanggup keluar beriadah di di taman.

Tatkala majoriti rakyat Malaysia mampu akur dengan PKP yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, namun masih ada segelintir individu yang berdegil dan memandang enteng PKP. 364 individu telah ditangkap di negeri Selangor kerana ingkar dengan arahan PKP sejak perintah ini dilaksanakan 18 Mac lalu. Ini bukanlah satu capaian yang patut dibanggakan.

‘Selfish’ adalah gambaran sebenar sikap segelintir individu rakyat yang ingkar dengan arahan ini. Rata-rata yang ditahan memberikan alasan yang tidak munasabah kononnya mereka sudah mula bosan duduk di rumah. Disaat petugas barisan hadapan sedang berhempas pulas memulihkan negara, rakyat Malaysia perlu terus kekal tenang di rumah. Ini membolehkan perancangan untuk memerangi wabak ini dapat dilaksanakan dengan sehabis baik tanpa sebarang gangguan yang merencatkan usaha-usahan berkaitan. Perintah kawalan ini dilaksanakan bagi mengekang penyebaran wabak Covid-19 dari terus membara di Malaysia. Sekiranya sikap mementingkan diri sendiri kekal dalam diri rakyat sudah pasti usaha untuk memerangi Covid-19 akan terbantut.

Rakyat Malaysia perlu mengambil pengajaran daripada kesilapan Itali. Kolumnis Bloomberg, Ferdinando Giugliano berkata banyak kesilapan dilakukan kerajaan (Itali) dalam menangani Covid-19, bermula dengan kegagalan menguatkuaskan perintah berkurung sepenuhnya di Lombardy, wilayah Bergamo yang paling teruk terjejas.

COVID-19 lebih mudah merebak dan membahayakan warga tua berbanding orang muda dan kanak-kanak. Kebanyakan mangsa yang meninggal dunia di Itali adalah golongan tua berusia lingkungan 80-an. Apabila perintah

berkurung tidak dipatuhi dan masih rakyat Itali masih bekerja dan berpesta seperti biasa, akibatnya hari ini mereka mencatat jumlah positif Covid-19 yang kedua tertinggi di dunia selepas China. Di Malaysia, sekiranya rakyat terus mementingkan diri sendiri dan langgar arahan PKP, tidak mustahil akan mengikut nasib yang berlaku di Itali. Namun sudah terlewat jika hal demikian terjadi, "nasi sudah menjadi bubur".

"...When you feel so tired, but you can't sleep..." begitulah gambaran pejuang-pejuang barisan hadapan negara kita buat masa ini. Negara kita di dalam keadaan yang sangat tenat dan memerlukan bantuan rakyat dan pemimpin untuk membaik pulih keadaan di negara ini secara total.

Sudah pasti, baik pihak kerajaan maupun rakyat mahu haen harus mempunyai komitmen untuk menyelamatkan negara. Sikap mementingkan diri dan suka menyebarkan berita palsu harus dibuang jauh ke lautan dalam.

Buat Negaraku yang tercinta, bertahanlah

"we are trying to fix you."

Kolumnis adalah Ketua Penerangan Pemuda UMNO Bahagian Kuantan, Ahli Parlimen Belia Malaysia dan seorang penggerak Mahasiswa Nasional

COVID-19 vs TAHUN MELAWAT MALAYSIA (PAHANG) 2020



Oleh: YB DATUK SERI HJ. MOHD SHARKAR SHAMSUDIN

EXCO Kerajaan Negeri Pahang | ADUN Kawasan Lanchang | Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO Malaysia | Ketua UMNO Bahagian Temerloh

Z
O
N
P
A
N
T
A
I
T
I
M
U
R

13.4 juta adalah catatan kemasukan pelancong ke negeri 'Tok Gajah' bagi tahun 2018/2019. Bayangkan berapa jumlah pendapatan yang boleh dijana dari angka kemasukan pelancong di atas.

Sebab itu kita sasarkan 15 juta kemasukan pelancong ke negeri Pahang bagi tahun ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 atau TM2020. Secara peribadi, sebagai exco kerajaan negeri yang jaga portfolio pelancongan, saya cukup optimis dapat capai angka sasaran tersebut.

Bayangkan, perancangan kita untuk capai 3.4 peluang pekerjaan terkait industri pelancongan ini akan beri manfaat bukan sahaja kepada kerajaan negeri bahkan rakyat. Pelancongan secara tidak langsung memacu sektor perusahaan kecil sederhana (PKS) seperti produk makanan tempatan, cenderahati dan kraftangan, ejen-ejen dan pemandu pelancong, kenderaan awam dan persiaran, pemandu bot dan feri, sukan terkait pelancongan seperti memancing dan 'jungle tracking' serta banyak lagi. Ini belum lagi ambil kira 'emain besar' seperti perhotelan, resort dan seumpamanya.

Ringkasnya, pelancongan adalah antara sumber pendapatan hasil negeri dan tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa ia juga sumber utama pendapatan rakyat negeri ini. Justeru apabila negara dilanda bencana Covid-19 segala perancangan yang terlestari untuk perlaksanaan TM2020, terencat sepenuhnya.

Pejam mata dan kembali bayangkan, apa agaknya suasana di Cameron Highlands, Genting Highland, Bukit Tinggi, pantai-pantai sepanjang Cherating hingga ke Kuala Rompin. Tasik-tasik seperti Chini dan Banding. Hutan-hutan seperti Royal Belum, Ulu Tembeling membawa ke Endau-Rompin. Sunyi. Tiada sebarang aktiviti yang menghidupkan ekonomi rakyat setempat seterusnya kerajaan negeri. Inilah yang membimbangkan.

Namun kita bersyukur di bawah kepimpinan Y.A.B. Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Dr Wan Rusdy Wan Ismail sentiasa peka dan cakna permasalahan yang hadir. Beberapa inisiatif bantuan telah diumum oleh kerajaan negeri secara berkala.

Pada 23 Mac lalu, Menteri Besar telah umumkan peruntukan sejumlah RM14.99 juta untuk lapan kumpulan pertama dalam menghadapi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac dijangka berakhir 31 Mac. Kumpulan utama adalah mereka di bawah kategori B40. Apabila tempoh PKP dilanjutkan sehingga 14 Mac, Menteri Besar pada 30 Mac telah tambah lima inisiatif baru dan peruntukan naik kepada RM19.248 juta. Ini selaras dengan inisiatif kerajaan pusat yang mengaktifkan Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN) dan Bantuan Prihatin Nasional (BPN).

Dalam inisiatif kedua ini sektor pelancongan tidak terkecuali. Kita telah kenal pasti melalui data tersimpan dan bantuan segera diberikan kepada kluster pelancongan yang amat terkesan seperti pemandu pelancong semulajadi Taman Negara, pemandu pelancong biasa Taman Negara dan pemandu bot pelancong Taman Negara yang seramai 426 orang kesemuanya. Sejumlah RM63 ribu telah selamat disampaikan, “Terima kasih MB!”.

Tetapi seperti saya nyatakan awalan, kluster pelancongan terkait sama dengan PKS yang merancakkan ekonomi setempat. Ini wajar dibantu sama. Dengan pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 6 April lalu khusus kepada sektor PKS, kita ucapkan setinggi terima kasih. Ia banyak membantu bukan sahaja majikan dan

JEMPUTAN

rakyat yang terlibat langsung dalam PKS, tetapi menjawab kepada kerunsingan kami di peringkat negeri, “Terima kasih PM!”

Kita sedar betapa bahayanya krisis Covid-19 ini yang bukan sekadar mengancam nyawa tetapi mampu melumpuhkan ekonomi negara, negeri dan rakyat umumnya. Sebagai seorang dari barisan pentadbir kerajaan negeri, sudah pasti kita prihatin terhadap segala perkara yang melibatkan rakyat. Sebaliknya, seperti juga rakyat, kita pun mahu krisis Covid-19 ini segera berakhir.

Sebab itu saya bersetuju dengan Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Shahril Hamdan yang menyeru seluruh ahli politik terutama pembangkang menurunkan suhu politik semasa negara. Nasihat saya khusus kepada pembangkang di Pahang terutama yang menjadi wakil rakyat tidak kira ADUN mahupun ahli parlimen supaya turun ke kawasan dan bantu rakyat yang memerlukan bantuan disaat sukar ini. Janganlah asyik mencari kesilapan mana-mana pihak .

Saya juga ingin menegaskan disini bahawa kerajaan negeri Pahang di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar, telah memperuntukkan sebanyak RM245,000 untuk 42 ADUN-ADUN tidak kira dari parti mana pun mereka itu. Apa yang penting peruntukan ini adalah untuk membantu rakyat di saat krisis ini. Dalam hal ini, rakyat adalah keutamaan.

Kita mesti menang dalam perang melawan Covid-19 ini!

BETULKAN YANG BIASA, BIASAKAN YANG BETUL



Oleh: Mohd Fared Mohd Khalid

ayahanakanda@gmail.com

Covid-19. Virus ini memang menggemparkan. Bukan sahaja kita, bahkan Mak Kiah pun terkena tempiasnya. Allah SWT menguji dunia dengan musuh yang tidak kelihatan ini. Tapi Alhamdulillah, Malaysia menanganinya dengan cukup berhemah, tersusun dan tidak keterlaluan untuk kita katakan, terbaik. "Jempol" kata orang Jawa.

Maka benarlah Kalam Allah dalam surah Al Insyirah ayat 5 - 6

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

"Bahawa sesungguhnya setiap kesukaran disertai kemudahan dan setiap kesukaran disertai kemudahan"

Covid-19 mengajar kita erti kebersihan. Biasanya kita hanya basuh tangan bila kotor atau pun ketika hendak makan. Tapi yang betulnya ialah kerapkan membasuh tangan lebih-lebih lagi dengan sabun kerana virus ini tak suka dengan kebersihan. Jika diambil dalam semangat seorang muslim, biasanya kita hanya menuaikan solat wajib lima kali sehari. Tapi dalam semangat menghapuskan virus jahat ini, amalan solat sunat selain solat wajib boleh membantu menyahkan virus ini secara lebih berkesan.

Covid-19 juga mengajar kita erti indahnya masa berkualiti bersama keluarga. Biasanya kita hanya sempat meluangkan masa bersama keluarga sekitar lepas habis waktu pejabat. Itu pun tak semua yang dapat menikmatinya. Tapi rupa-rupa yang betulnya, masa bersama keluarga memang tidak boleh lagi diambil sambil lewa. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini mampu mengeratkan hubungan mesra dalam keluarga kita. Sebelum ini,

kesibukan bekerja menjadikan kita biasanya makan di luar. Tetapi Covid-19 mengajar kita, betapa seronoknya makan bersama keluarga dan tanpa disedari, golongan bapa juga ramai yang berbakat ketika di dapur. Itu yang sebetulnya. Isteri masing-masing pastinya tersenyum gembira bila suaminya sentiasa di rumah dan tidak lagi boleh mengeteh waktu ini. Namun penulis tak begitu pasti sama ada tabiat mengeteh boleh dikawal lagi selepas tempoh PKP.

Biasanya kita meletakkan tugas-tugas kesukarelawanan hanya kepada badan-badan bukan kerajaan. Tetapi dalam tempoh PKP, seluruh rakyat tanpa mengira kedudukan menghulurkan bantuan barang, makanan, tenaga dan wang ringgit kepada yang memerlukan. Pemurah benar rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia sememangnya boleh digelar "Sukarelawan Negara". Ini memang betul.

Kita sudah terlalu biasa dengan kaedah pembelajaran sedia ada. Guru mesti berada di depan bilik darjah. Yang sebetulnya, Malaysia sudah mampu menjalankan sistem pendidikan secara dalam talian tanpa kita sedari. Tanyalah di peringkat negeri dan daerah mana pun, sehingga waktu penulis menulis ruangan ini dalam tempoh PKP, guru-guru sekolah rendah dan menengah telah dan secara berterusan memberi kerja sekolah, menanda jawapan kuiz bahkan membuat kelas secara dalam talian di sesetengah kawasan. Ia bukan lagi kebiasaan yang hanya berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi. Adalah betul untuk memulakannya ketika di awal peringkat sekolah rendah dan menengah lagi. Budayanya perlu dimulakan sekarang. Soal menambah baik kaedahnya itu kita bahaskan kemudian.

Kita biasa mendengar agak sukar mendisiplinkan warga tempatan dengan penguatkuasaan. PKP ada hikmahnya. Masyarakat kita semakin patuh dan menghormati undang-undang yang berkuatkuasa. Apa tidaknya, Seksyen 24 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 menetapkan sesiapa yang melanggar PKP ini jika sabit kesalahan menetapkan sesiapa yang melanggar PKP ini jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan tak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Sesiapa pula yang

dengan sengaja menghalang mana-mana kakitangan awam dalam melaksanakan fungsi awamnya, boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun, atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya. Tindakan pantas pihak berkuasa dan ketegasan mahkamah dalam menjatuhkan hukuman, telah menimbulkan kesedaran kepada seluruh rakyat bahawa undang-undang hendaklah dipatuhi pada setiap masa, lebih-lebih lagi dalam tempoh getir ini. Ya ini baru betul!

Sewaktu Pakatan Harapan memerintah Malaysia dalam tempoh kurang 22 bulan yang lalu, kita biasa mendengar bahawa rakyat yang perlu membantu kerajaan. Negara hampir bankrap dan kerajaan tiada duit. Itulah momokannya setiap hari sejak menang PRU 14 yang lalu. Rakyat perlu berjimat, jangan harapkan bantuan kerajaan semata-mata. Bahkan kalau kerajaan bantu pun, cukuplah sekadar e-wallet berjumlah RM30.00 sahaja. Tapi yang sebetulnya ialah apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan Perikatan Nasional ketika PKP ini. Mengharapkan kerjasama rakyat untuk membasi Covid-19 secara bersama, dalam masa yang sama memahami kesulitan rakyat dengan pelbagai insentif, bantuan dan kemudahan yang berjumlah RM260 bilion kesemuanya setakat ruangan ini ditulis. Ini baru betul-betul kerajaan!


Semoga hikmah Covid-19 dan PKP ini memberi seribu satu kebaikan. Budaya yang mengamalkan cara hidup sihat yang betul lagi baik. Budaya keluargaku syurgaku. Budaya prihatin ke atas sesama masyarakat. Budaya menghormati hak orang ramai berbanding kepentingan diri sendiri. Budaya membangun negara secara bersesama.

Betulkanlah kebiasaan kita. Kadang-kala yang biasa tak semestinya betul. Biasakanlah yang betul sebab itulah yang sewajarnya.

Wallahu'lambissawab.

Z
O
N
S
E
L
A
T
A
N

Kolumnis adalah Ketua Pemuda UMNO Bahagian Parit Sulong merangkap Naib Ketua Pemuda UMNO Negeri Johor dan seorang pengamal undang-undang sivil, syar'ie.



ANALISIS DAN PANDANGAN

KUALA LUMPUR SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAMAT

Oleh: Khairul Anuar Shaharudin kruel74@gmail.com



Setiap penduduk Malaysia akan ingat tarikh 18 Mac 2020 sebagai tarikh bersejarah di mana setiap individu diminta menghadkan pergerakan mereka ke satu lingkungan tertentu apabila Perdana Menteri dua hari sebelum itu mengumumkan satu inisiatif kesihatan yang dinamakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, dengan bantuan pihak berkuasa polis dan askar, penduduk Malaysia mengalami suatu keadaan yang tidak pernah terjadi di dalam negara merdeka ini. Dalam menikmati kemerdekaan yang diambil mudah oleh kebanyakan penduduk Malaysia, semua terpaksa mengawal pergerakan mereka berikutan satu musuh yang tidak dapat dilihat: virus Covid-19.

Kuala Lumpur bandaraya padat dengan penduduk hampir 1.8 juta tidak terkecuali dalam pematuhan PKP tersebut dan apabila matahari terbit pada hari Rabu 18hb. April yang lepas warga kotaraya bertuah ini menerima hakikat

yang rutin harian ke tempat kerja dan ritual mencari rezeki telah berubah. Berikutan tarikh PKP jatuh pada minggu cuti sekolah dan ramai masih dalam mood bercuti, ramai yang menganggap pada awalnya ia hanya cuti tambahan.

Realiti keadaan mula terkesan kepada semua penduduk apabila pihak berkuasa mula menunjukkan bagaimana PKP diperkuatkuasakan dengan menghadkan jumlah penduduk yang boleh keluar membeli belah pada satu-satu masa, sekatan jalan raya dan pemastian pemakaian penutup muka. Sepanjang minggu pertama masih ramai yang mengingkari PKP dan apabila ada yang ditangkap dan didenda di seluruh Malaysia realiti kehidupan di bawah PKP berubah menjadi lebih serius. Malahan situasi yang dihadapi pada masa PKP ini dibandingkan oleh penduduk yang lebih berumur kepada masa Perintah Darurat yang dikenakan ketika rusuhan 13hb Mei 1969 berlaku terutama di kawasan Kampung Baru.

Bagaimanakah kehidupan penduduk kotaraya Kuala Lumpur selepas PKP tamat nanti? Adakah Perintah yang dikenakan hampir selama sebulan (atau lebih) ini akan membawa arus perubahan di dalam kehidupan penduduk kotaraya Kuala Lumpur? Dalam kita menangani krisis yang tidak pernah terjadi secara menyeluruh di negara ini, apakah norma kehidupan yang masih boleh kekal, boleh diperbaiki dan yang perlu dihapuskan terus agar kehidupan yang lebih progresif dapat dinikmati oleh penduduk kotaraya Kuala Lumpur?



(1) Kebersihan perlu menjadi satu amalan

Di dalam hal ini, walaupun ia dianggap sebagai satu perkara cliché yang dilaungkan oleh setiap pemimpin yang menerajui Kuala Lumpur di pelbagai peringkat, virus Covid-19 membuktikan yang amalan membasuh tangan, menutup mulut jika kita sedang demam selsema dan memastikan penjarakan sosial apabila kita berada di sesuatu tempat tertutup perlu menjadi amalan setiap individu dengan serius. Dalam memastikan amalan tersebut setiap individu perlu mempunyai beberapa tambahan kepada pakaian harian seperti penutup mulut atau muka dan sapatangan serta pembasmi kuman peribadi yang perlu digunakan dengan istiqamah. Dalam hal persekitaran, setiap sampah dan kotoran perlu dibersihkan dengan cermat dan teliti.

(2) Penjarakan sosial sebagai norma baru

Perhimpunan besar-besaran adalah satu hakikat kehidupan moden yang sukar dielakkan terutama di dalam kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Untuk seberapa lama pasar malam, upacara keagamaan, pesta muda mudi dan pelbagai bentuk ceramah sering diajukan untuk pelbagai tujuan. Selepas krisis kesihatan Covid-19 berakhir satu panduan dan aturcara perlu diadakan agar sebarang perhimpunan seperti yang dilakukan oleh perta ijtimak tabligh di Masjid Seri Petaling masih dapat dilakukan dalam keadaan yang bersih dan dengan tertib.

(3) Pemeriksaan kesihatan berkala

Dalam norma baru selepas PKP nanti semua penduduk kotaraya Kuala Lumpur dan sekitar Malaysia perlu melakukan pemeriksaan kesihatan berkala dengan satu mekanisma penjadualan yang ketat perlu disediakan untuk setiap orang. Ini adalah untuk memastikan setiap penyakit berjangkit dapat dikenali, dipastikan serta diambil tindakan sama ada melalui isolasi atau pengubatan yang berkesan. Satu sistem penjadualan imunisasi serta pemberian vaksin juga perlu ada untuk semua tanpa pengecualian kerana apa

yang dibuktikan oleh serangan Covid-19 ini adalah sesiapa sahaja boleh menjangkit dan dijangkiti.

(4) Pengukuhan semangat kejiranan

Satu lagi ayat klise yang telah lama ada dalam sistem pentadbiran kotaraya Kuala Lumpur adalah pengukuhan kejiranan setempat. Dalam krisis kesihatan yang melanda dunia ini setiap jiran berperanan mengambil tahu hal ehwal jiran sebelah walaupun label makcik atau pakcik bawang diberi kepada mereka. Setiap perjalan ke luar kawasan terutama untuk aktiviti yang melibatkan perhimpunan besar perlu diketahui oleh jiran agar sebarang perkara yang tidak diingini seperti jangkitan penyakit boleh dipantau dengan sistematik. Ayat kontak rapat sudah boleh menjadi satu tatabahasa penting di dalam kamus bangsa Malaysia.

(5) Jurang digital

Dalam ketika PKP dilaksanakan antara perkara yang membolehkan pekerjaan diteruskan serta perniagaan masih boleh disambung adalah kemudahan digital yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi. Dengan wujudnya kemudahan digital yang berada di rumah masih dapat melakukan mesyuarat melalui aplikasi seperti Zoom dan Hangout. Ia juga membolehkan yang di bandar berhubung dengan yang di kampung serta sebaliknya.

(6) Menghargai pekerja kesihatan dan sokongan

Pada ketika ini doktor dan jururawat samada yang masih aktif atau yang diaktifkan semula sedang memastikan kita masih dapat berfungsi dengan baik setelah semua halangan pergerakan ini tamat. Mereka juga di sokong oleh para pekerja pembersihan dan sanitasi yang sentiasa bergerak di belakang tabir terutama di waktu dinihari ketika semua penduduk kotaraya nyenyak tidur. Mereka perlu dihargai dan diberi sokongan yang lebih baik dalam bentuk sokongan kewangan dan sokongan moral.

(7) Data penduduk

Satu census kebangsaan yang melibatkan semua penduduk termasuk yang terlepas kerana status tidak pasti seperti yang masuk bekerja secara haram atau yang dianggap tidak sahtaraf perlu diadakan. Ini akan dapat membantu sebarang penyebaran penyakit seperti Covid-19 dapat dikecualikan. Data ini juga perlu diseragamkan dengan data kesihatan yang mempunyai data imunisasi dan penyakit.

(8) Gelandangan teratur

Dalam melakukan pemetaan penduduk di kotaraya Kuala Lumpur usaha menempatkan gelandangan di satu kawasan yang mudah dikawal serta dibantu hendaklah difikirkan untuk mereka. Mengakui yang gelandangan terjadi bukan hanya kerana ketidakmampuan yang disebabkan oleh kefakiran atau kemiskinan tetapi juga penyakit mental akan dapat menolong satu sistem data disiapkan agar mereka dapat dibantu dengan kadar segera.

(9) Melengkapkan kemudahan setempat

Ini adalah satu proses berterusan yang sentiasa dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kemudahan setempat untuk satu-satu kawasan sentiasa dipertingkatkan agar penduduk Kotaraya Kuala Lumpur dapat hidup dengan selesa. Dengan PKP, untuk memudahkan setiap penduduk selesa di dalam tempat tinggal masing-masing setiap daripada mereka digalakakkan menggunakan kemudahan yang ada di sekeliling mereka tanpa perlu mencarinya di kawasan lain. Satu senarai semakan perlu disiapkan agar keseragaman kemudahan dapat disiapkan untuk setiap kawasan penduduk sebagai langkah berjaga-jaga untuk mrnghadapi krisis kesihatan seperti Covid-19.

(10) Menyokong perniagaan tempatan

Setiap kejiranan di kotaraya Kuala Lumpur mempunyai perniagaan unik yang menyokong kehidupan penduduk setempat. Dengan krisis kesihatan seperti Covid-19 sebarang bentuk perniagaan pembekalan makanan dan runcit

menjadi lebih berharga kerana ia dapat menyokong kehidupan sehari-hari setiap isirumah di dalam satu kawasan setempat. Jenis perniagaan sebegini perlu menjadi satu norma untuk setiap penduduk dan perlu diberikan sokongan kewangan dan bantuan oleh kerajaan agar penduduk setempat dapat kekal setempat. Projek penghapusan orang tengah dan semakan harga agar sentiasa rendah dengan pasaraya besar perlu diadakan agar penduduk setempat kekal menyokong perniagaan di kawasan masing-masing.



Kehidupan yang kita kenal sebelum PKP memang tidak akan dapat dicapai kembali dalam masa terdekat. Sambil kita mengatur kembali kehidupan normal, setiap penduduk kotaraya Kuala Lumpur perlu melakukan sedikit perubahan di dalam norma kehidupan harian untuk menjadikan kehidupan di kotaraya Kuala Lumpur menjadi lebih teratur dan standard kehidupan yang lebih selesa.

Penulis adalah peguam harta tanah di firma Khairul Suhaila & Hazlina, ahli lembaga pengarah Resintech Berhad dan pernah menulis beberapa buku non-fiksyen serta fiksyen seperti “40 Questions - Ask The Lawyer Before Buying A Residential Property In Malaysia”, “40 More Questions - Ask The Lawyer Before Buying A Residential Property In Malaysia”, “40 Questions - Ask The Lawyer Before Applying A Housing Loan In Malaysia”, “Harta Rampasan Perang”, “Hari-Hari Terakhir Seorang YB” dan lain-lain.

KELANGSUNGAN HIDUP RAKYAT MELALUI PENCELAHAN KEWANGAN

Oleh: Amin A. Hadi

aminurasyed@ukm.edu.my



Wabak Convid-19 yang melanda dunia dan Malaysia tidak terkecuali, telah memberi impak ekonomi kepada negara. Rakyat rata-ratanya tidak dapat bekerja dan berniaga sepetimana kebiasaan, khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. Produktiviti dan pendapatan mereka sudah pasti terjejas terutama jika tempoh PKP ini terpaksa dilanjutkan.

Peranan ‘Kebapaan’ Kerajaan Malaysia

Sebagai ketua badan eksekutif yang mewakili kerajaan, Y.A.B. Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 telah mengambil langkah ‘kebapaan’ sebuah kerajaan dengan mengumumkan suatu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatian Rakyat (PRIHATIN). PRIHATIN berjumlah RM250 bilion ini bertujuan melindungi kebajikan rakyat, menyokong perniagaan dan memperkuuh ekonomi negara di mana ia dilihat dapat membantu kelangsungan kehidupan rakyat keseluruhannya dan

secara langsung dan tidak langsung, merangsang semula ekonomi negara.



Pencelahan Kewangan

Langkah ‘kebapaan’ ini melibatkan intervensi atau pencelahan kewangan dalam dua aspek besar pengurusan hasil atau pendapatan dan perbelanjaan sebuah negara dan individu iaitu pencelahan kewangan awam (*public finance intervention*) dan pencelahan kewangan persendirian (*private finance intervention*). Polisi kerajaan untuk kedua-dua aspek pencelahan ini telah dimanifestasikan di dalam pakej rangsangan yang diumumkan.

Pencelahan kewangan awam adalah peranan pelarasan oleh kerajaan melalui badan eksekutifnya dalam menguruskan hasil dan perbelanjaan kerajaan ketika berlakunya keadaan luar duga (*force majeure*). Sementara pencelahan kewangan persendirian pula adalah peranan pencelahan oleh kerajaan melalui badan eksekutifnya ke atas pendapatan dan perbelanjaan persendirian (terdiri dari individu dan perniagaan) di bawah kawalselianya dalam keadaan tertentu atau ketika berlaku sesuatu di luar dugaan (*force majeure*) yang melibatkan sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas individu atau perniagaan itu sendiri, atau individu-individu atau perniagaan-perniagaan lain di negara ini. Kedua-dua bentuk pencelahan kewangan ini dilakukan demi kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya supaya dapat menghindari sesuatu yang tidak diinginkan sama ada dari aspek ekonomi maupun sosial, dalam jangka masa pendek atau panjang.

(a) Ke Atas Kewangan Awam

Pencelahan kewangan awam yang disebut di dalam PRIHATIN tersebut boleh dibahagi kepada dua bentuk: bantuan tunai secara terus dan bantuan manfaat (termasuk pinjaman). Bantuan tunai secara terus termasuklah peruntukan sebanyak RM1.5 bilion tunai kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membendung penularan wabak Covid-19; dan Bantuan Prihatin Nasional berjumlah hampir RM10 bilion tunai kepada golongan B40 dan M40 kerana mereka amat terdedah dan terjejas dari segi ekonomi dan sosial (*economically and socially vulnerable*) akibat wabak Covid-19.

Sementara bantuan manfaat (termasuk kemudahan pinjaman) pula, antara lainnya, penangguhan bayaran balik PTPTN selama 6 bulan yang melibatkan kutipan sebanyak RM750 juta; dan penambahan dana untuk skim kredit mikro sebanyak RM500 juta. Perbelanjaan kerajaan yang melibatkan tunai secara terus akan mengurangkan aset kewangan kerajaan kerana ianya beralih menjadi aset kewangan penerima bantuan. Sebaliknya, bantuan manfaat tidak akan mengurangkan aset kewangan negara kerana ia hanya beralih kepada, atau kekal pada penerima manfaat sebagai liabiliti mereka kepada kerajaan.

(b) Ke Atas Kewangan Persendirian

Melalui PRIHATIN, pencelahan oleh kerajaan ke atas kewangan persendirian boleh dilihat juga dalam dua bentuk: bantuan pelepasan tunai dan bantuan manfaat. Namun ia hanya melibatkan aset kewangan milik pensendirian individu-individu, bank-bank dan syarikat-syarikat swasta. Bantuan-bantuan ini tidak melibatkan aset dan liabiliti kewangan kerajaan sama sekali. Contoh bantuan pelepasan tunai ialah pengeluaran wang KWSP sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh 6 bulan; dan pengeluaran wang Skim Persaraan Swasta sehingga RM1,500.00. Manakala bagi bantuan manfaat pula, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah meminta bank-bank memberikan moratorium automatik pembayaran pinjaman bagi tempoh 6 bulan.



Prihatin

Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat

Bantuan pelepasan tunai akan mengurangkan aset kewangan individu. Sementara bantuan manfaat pula tidak mengurangkan aset kewangan persendirian, contohnya, yang dimiliki bank kerana liabiliti membayar prinsipal dan faedah kepada bank masih kekal berada pada peminjam. Ia hanyalah bersifat penangguhan pemindahan aset kewangan sahaja. Namun, langkah pencelahan ini memberi ruang aliran tunai kepada individu dan perniagaan untuk kelangsungan kehidupan dan perniagaan mereka.

Kelangsungan Hidup Rakyat Melalui Pembentukan Masyarakat ‘Organik’

Langkah atau inisiatif ‘kebapaan’ kerajaan Malaysia memberikan nafas kepada kelangsungan hidup rakyatnya secara ‘organik’ melalui kesepaduan bersalingan aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan di bawah milikan dan tanggungan kerajaan dan rakyat (yang terdiri dari individu dan perniagaan).

Perlu diingat bahawa kewangan awam adalah disumbangkan dari hutang kerajaan yang mana rakyat jugalah yang akan membayar balik hutang ini melalui pungutan cukai. Perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan termasuk perbelanjaan untuk rakyat (individu dan perniagaan) yang dilanda kesusahan ketika menghadapi keadaan luar duga (*force majeure*) seperti wabak Covid-19 akan menggunakan wang hutang yang dibayar oleh pembayar cukai. Dalam erti kata lain, wang perbelanjaan oleh kerajaan ini datangnya dari rakyat untuk rakyat. Kerajaan adalah intermediari antara rakyat yang berfungsi sebagai pengurus yang diamanahkan mengurus kewangan awam.

Oleh itu, pengurusan perbelanjaan kerajaan sempena peristiwa Covid-19 bersumberkan kewangan awam semata-mata adalah tidak sihat kepada ekonomi negara kerana ini boleh menyebabkan hutang kerajaan bertambah secara mendadak dan substantif di mana pembayaran semula hutang ini akan kembali ditanggung rakyat dari generasi ke generasi.

Tindakan kerajaan mencelah ke atas kewangan persendirian dapat membawa penyertaan rakyat (bukan sahaja individu, malah perniagaan) untuk bersama-sama dengan kerajaan berganding bahu membiayai perbelanjaan menangani peristiwa Covid-19 ini. Ia sedikit sebanyak mengurangkan kebergantungan kepada kewangan awam.

Wabak Covid-19 dan strategi pencelahan oleh kerajaan melalui PRIHATIN boleh menjadi suatu pengajaran dan titik tolak kepada pemecahan tradisi masyarakat ‘mekanikal’ yang berpaksikan individualisme semata dan mengalah paksi ini menuju ke arah sebuah masyarakat yang lebih ‘organik’ demi kelangsungan hidup rakyat dalam dunia pasaran ekonomi bebas.

Penulis adalah Felo dan Pensyarah Kanan Undang-Undang dan ahli Pusat Kajian Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pernah beramal sebagai peguambela dan peguamcara berkepakaran dalam urus tadbir kontrak, hartanah dan kewangan konvensional serta Islam.

1946

SEJARAH



Gambar Pengasas UMNO 1946. Bergambar beramai-ramai di depan Istana Besar Johor.

PENDITA ZA'BA: UMO ATAU UMNO?

Oleh: Aemirulrizaki Ram bli

aemierulrizaki@gmail.com

**Tahukah anda
bahawa gerakan
menentang
“Gagasan Malayan Union”
tercetus pada tahun 1945?**

tersebut bahkan dunia yang kagum dengan keberanian Za'ba.

Mungkin ramai tidak tahu bahawa sebelum nama Onn Jaafar melonjak naik, Pendita Za'ba merupakan arkitek yang menjurutera-kan ke arah penubuhan UMNO.

Sebagai Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor, beliau telah melontarkan iltizam agar suatu kongres diadakan demi membincangkan langkah serang balas terhadap “Malayan Union”. Rentetan desakan beliau maka terlaksanalah apa yang dikenali sebagai Kongres Melayu Pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada tahun 1946 dengan kos perbelanjaan sebanyak RM18 ribu, satu jumlah yang amat besar ketika itu atas usaha dilakukan oleh Za'ba sendiri.

Za'ba walaubagaimanapun tidak mahu menjadi pengurus kepada kongres kali pertama tersebut yang menjadi titik tolak peristiwa penubuhan UMNO. Beliau hanya mahu jadi tulang belakang dan mengangkat Onn Jaafar ke hadapan.

Penentangan tersebut ditunjukkan secara terangan oleh Tan Sri Dr. Zainal Abidin bin Ahmad atau terkenal dengan panggilan Za'ba.

Penentangan itu disampaikan dalam bentuk telegram dihantar kepada British dan telah menggemparkan bukan sahaja kerajaan “Union Jack”



Setelah kejayaan himpunan orang-orang Melayu dalam peristiwa bersejarah tersebut, Onn Jaafar mahu menamakan gerakan ini sebagai “UMO”, singkatan kepada “United Malays Organisation. Tetapi Za’ba pantas mencadangkan perkataan “National” ditambah dan menjadi “UMNO”. Penambahan perkataan “National” itu diinspirasikan dari akronim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nations Organisation, “UNO”.

Alasan Za’ba adalah, Melayu itu bukanlah suatu “kaum” yang bersifat “perkauman” semata tetapi adalah suatu “bangsa” yang bersifat “kebangsaan” atau nasional.

Setelah bersetuju dengan UMNO, Za’ba jugalah yang telah menterjemah UMNO ke dalam bahasa Melayu sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau ringkasnya PERKEMBAR.

Mungkin ada ramai mempertikaikan kenapa penggunaan bahasa Inggeris diberi keutamaan sebelum ia diterjemahkan pula ke dalam bahasa Melayu?

Jawapannya adalah kerana sewaktu proses memperolehi kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu ini, pejuang tanahair terpaksa berhadapan dengan orang Inggeris dan bahasa utama ketika berurusan waktu itu adalah bahasa Inggeris.

Rujukan: Tok Ayah Zahalan bin Man, “Daulat UMNO; Edisi Khas”, Kuala Lumpur (2014)